

# @info



Media Komunikasi Maktab Kerjasama Malaysia  
Bil. 1/2011 ISSN 0127-1032

Pusat Latihan Koperasi No. 1 di Malaysia

AN OLEH: YB DATO SRI ISMAIL  
DAGANGAN HILAM NEG... RASI &  
IKH: 21... 011 IKHA



## 06 Majlis Konvokesyen ke-15



Perasmian MKM Wilayah Utara



Majlis Menandatangani MoU-METEOR dan Program Padanan Perniagaan Koperasi



MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA

# DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (SEPENUH MASA)

PENGAMBILAN  
**JUN**  
SETIAP TAHUN

## OBJEKTIF PROGRAM

- Untuk memantapkan kefahaman mengenai koperasi dari segi konsep, falsafah, prinsip dan perundangan.
- Untuk melengkapkan pelajar dengan teknik-teknik dan kemahiran pengurusan koperasi khususnya dari segi pembentukan dan pelaksanaan strategi-strategi perniagaan dengan berteraskan prinsip-prinsip dan perundangan koperasi.
- Untuk membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran menganalisis dan membuat keputusan di dalam perancangan dan pengurusan organisasi.

## KUMPULAN SASARAN

- Pemimpin-pemimpin koperasi
- Kakitangan pengurusan koperasi
- Pegawai-pegawai dari Jabatan/Agensi yang mengawasi koperasi
- Pegawai-pegawai dari Jabatan/mana-mana agensi kerajaan atau swasta
- Lulusan SPM/STPM

## JANGKA MASA PENGAJIAN

- 2 ½ tahun (5 Semester)

## KELAYAKAN MASUK

- SPM/SPMV atau setarafnya dengan kepujian dalam Bahasa Melayu, Matematik, dan dua mata pelajaran lain.

## KOS PENGAJIAN

### Yuran

- Yuran Pengajian bagi 5 semester - RM4,500

### Asrama

- Kemudahan asrama disediakan dengan kadar bayaran ditetapkan.

### Lain-lain Pembiayaan

- Yayasan Negeri, Bank Rakyat, dan lain-lain.

**Pembiayaan  
Skim Pinjaman  
Pendidikan-I MKM**

## CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

## PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia

**Diploma Pengurusan Koperasi**

**Maktab Kerjasama Malaysia**

Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi

No. 21, Jalan Selangor

46050 Petaling Jaya, Selangor

Tel: 03-7952 4500 samb. 514/513/512

Faks: 03-7955 0863 E-mel: [mkm@mkm.edu.my](mailto:mkm@mkm.edu.my)



## Sidang Editorial

*PENASIHAT*

**Tn. Hj. Idris Ismail**  
Pengarah

*KETUA EDITOR*

**Pn. Julia Bee Ramjan**  
Timbalan Pengarah Pengurusan

*EDITOR*

**En. Mohd Rashiman Rasit**  
Pegawai Penerangan

*WAKIL PUSAT & UNIT*

**Pn. Ayu Diana Awang**  
Pusat Antarabangsa & Pendidikan  
Tinggi (Antarabangsa)

**En. Mohd Fathullah Mohd Aznam**  
Pusat Pengurusan Perniagaan  
& Keusahawanan (BMeC)

**Pn. Rohalinda Ahad**  
Pusat Petadbiran, Perundangan  
& Kepimpinan Koperasi (CALL)

**Pn. Juliana Md Yusof**  
Pusat Perakaunan  
& Kewangan (ACTIF)

**Pn. Sharifah Shuzaida Saedin**  
Pusat Konsultasi Koperasi  
(KONSULTASI)

**Pn. Yusnita Othman**  
Pusat Pengurusan Penyelidikan  
& Inovasi (R&I)

**Pn. Hamidah Mohd Jos**  
Unit Sumber Manusia (USM)

**Pn. Afiza Abd Karim**  
Unit Komunikasi Korporat & Tadbiran  
Akademik (UKKTA)

**Pn. Sharepah Nur Azirah  
Shareh Abd Rahim**

**Wani Syahira Abd. Wahid**  
Pen. Peng. Penerbitan

*JURUFOTO*

**En. Mohd Norhisyam Md Daud**

## Info • Isi Kandungan

### Eksklusif

- 01 Majlis Konvokesyen ke-15
- 02 Majlis Menandatangani MoU MKM-METEOR dan Program Padanan Perniagaan Koperasi
- 03 Perasmian MKM Wilayah Utara

### Pelawat


- 04 Lawatan Delegasi Dari ICA (AP) ke MKM
- 05 Lawatan Kerja Kementerian Koperasi Republik Iran ke MKM
- 06 Lawatan Delegasi dari Sri Lanka Lawatan Kerja Aceh Society Development Cooperative BIREUEN-ACEH-INDONESIA

### Jaringan

- 07  COBIIR-1st International Colloquium on Branding, Image, Identity and Reputation
- 08 ICA Singapore
- 09 Bandung, Indonesia
- 10 China


### Fokus

- 11 Seminar "Teknologi Hijau: Perniagaan Baru Masa Kini"
- 12 Seminar "Sinergi Rantaian Nilai dalam Peningkatan Ekonomi Koperasi"




### Perspektif

- 16  Lawatan Kerja Ke Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Bhd (KOGURU) Dan Koperasi Adik Kakak Kampung Pulau Rusa Kuala Terengganu Berhad (KODIKA)
- 17
- 18



Bicara Eksekutif "Laman Rangkaian Sosial: Trend Komunikasi Masa Kini"



Bicara Eksekutif "Potensi Perniagaan Penternakan Ikan Arowana"


19

Bicara Tokoh "Meningkatkan Daya Saing Koperasi Dalam Sektor Peruncitan Negara"

20

Bicara Eksekutif "Keberdayasaingan Koperasi Dalam Ekonomi Semasa: Antara Realiti dan Harapan"

### Berita Kakitangan



21

Program Motivasi 3E Bersama Dr. Tuah Iskandar

22

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM 2011

23

Kolokium

### Berita MKM Cawangan & Wilayah

24

Pelancaran Buku Gerakan Koperasi Negeri Sarawak

25

Bicara Eksekutif

26

Seminar Peluang-peluang Perniagaan Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) Sabah

27

Taklimat Sempena Promosi Program Latihan MKM Cawangan Sabah Tahun 2011

### Buletin Pelajar

28

Program Bakti Siswa MKM-UUM 2011 Aktiviti Kumpulan Seni Budaya

### Galeri

29

Koleksi Gambar

### Lampiran

Program Latihan MKM 2011 Diploma & Ijazah

# DIPLOMA PROFESIONAL PENGAUDITANKOPERASI (PENDIDIKAN JARAK JAUH (e-PJJ) Kerjasama MKM-ICMA)

PENGAMBILAN  
**SEPTEMBER**  
SETIAP TAHUN  
(Tarikh tutup  
permohonan  
Ogos setiap tahun)

Pendidikan Jarak Jauh (e-PJJ) dengan menggunakan sistem e-Pelajaran merupakan salah satu inisiatif ICT MKM. Pembelajaran secara atas talian ini membolehkan bahan kursus dicapai dengan mudah oleh pelajar atau peserta kursus. Oleh itu, mulai 2011, MKM mengorak selangkah lagi dengan menawarkan kursus jangka panjang secara Pendidikan Jarak Jauh (e-PJJ). Pertemuan antara pelajar dan pengajar hanya ditetapkan sebulan sekali.

Graduan yang tamat DPPK akan mendapat kelulusan 'Graduate Member ICMA' yang diiktiraf oleh JPA dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan untuk maksud lantikan ke jawatan akauntan dalam sektor koperasi.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Melahirkan lebih ramai tenaga profesional yang berkemahiran dalam bidang perakaunan, pengauditan, kawalan dalaman dan percukaian koperasi
- Menyediakan lebih ramai juruaudit bertauliah dan tenaga pakar dalam bidang pengauditan koperasi.

## KELAYAKAN KEMASUKAN

- Diploma Pengurusan Koperasi; atau
- Diploma yang setaraf; dan
- Memperolehi PNGK 3.0 dan ke atas. Walau bagaimanapun pertimbangan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai PNGK kurang daripada 3.0 tetapi mendapat sekurang-kurangnya A- dalam subjek-subjek perakaunan dan kewangan; atau
- 5 tahun pengalaman kerja dalam bidang pengauditan dan perakaunan.

## KUMPULAN SASARAN

- Lulusan Diploma Pengurusan Koperasi.
- Lulusan diploma atau ijazah dari IPTA atau IPTS dalam bidang pentadbiran perniagaan atau perakaunan.
- Lulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan atau Perakaunan.
- Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam bidang perakaunan dan pengauditan.

**TEMPOH PENGAJIAN** - 1 1/2 Tahun (3 Semester)

## CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.




## PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia  
**Program Diploma Profesional Pengauditan Koperasi  
Maktab Kerjasama Malaysia**  
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi  
No. 21, Jalan Selangor  
46050 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03-7952 4500 samb. 502/513  
Faks: 03-7955 0863 E-mel: [mkm@mkm.edu.my](mailto:mkm@mkm.edu.my)

## Dari Meja *Ketua Editor*

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam  Malaysia dan Salam Koperasi

Alhamdulillah, Syukur ke Hadrat Ilahi kerana tahun 2011 ini, MKM telah memahat sejarahnya tersendiri apabila tarikh 13 Januari 2011 tarikh keramat bagi MKM di mana MKM Wilayah Utara telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Selain itu, Info kali ini menyajikan berita kemeriahan sambutan Majlis Konvokesyen ke-15 yang diadakan di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor. Seramai 101 para graduan telah menerima anugerah masing-masing dan graduan cemerlang telah dianugerahkan kepada saudara Radin Mohamad Hanafi bin Radin Hassan dengan memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.83.

Segmen Perspektif turut memaparkan beberapa seminar serta taklimat antaranya program Bicara Eksekutif yang dianjurkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi MKM yang bertajuk "Laman Rangkaian Sosial: Trend Komunikasi Masa Kini". Objektif utama program ini adalah untuk memberi kefahaman tentang laman rangkaian sosial sebagai alat komunikasi masa kini serta berkongsi pengalaman berkaitan dengan penggunaan laman rangkaian sosial di koperasi.

Manakala segmen Pelawat pula, MKM telah menjadi pilihan beberapa pelawat luar negara sebagai destinasi lawatan kerja mereka, antaranya lawatan dari Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia Pasifik (ICA-AP), Sri Lanka Consumer Co-operative Societies Federation LTD, HE Deputy Minister of Cooperation Islamic Republic of Iran dan Aceh Society Development Cooperative Bireuen-



Acheh-Indonesia. Ini membuktikan bahawa MKM dikenali di peringkat antarabangsa dan dijadikan contoh sebagai pusat latihan terkemuka di rantau ini.

Pembukaan tahun 2011 ini telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dari MKM sendiri dengan menganjurkan seminar dan taklimat dalam memantapkan lagi prestasi warga MKM. Selain itu, warga MKM juga sedang menanti kedatangan para pelajar Diploma Pengurusan Koperasi yang akan mendaftar pada Julai ini. Diharap para pelajar dapat menimba ilmu dengan sebaiknya serta memperoleh kejayaan yang cemerlang kelak.

Akhir kata selamat menyambut Hari Koperasi Negara 2011 yang diadakan pada 8 hingga 10 Julai 2011 dengan tema "Transformasi Koperasi Menjana Ekonomi Rakyat". Semoga penglibatan MKM melalui pakatan strategik bersama SKM dan Angkasa dapat menyumbangkan kepada penghasilan ekonomi negara berskala besar.

Sekian. Salam Koperasi.

*Julia Bee Ramjan*



Wajah-wajah para graduan

# Majlis *Konvokesyen* ke-15

## Suasana Ceria Di Wajah Graduan MKM Sempena Majlis Konvokesyen MKM Ke-15

Tanggal 21 April 2011, mencatat sejarah sekali lagi MKM melahirkan profesional-profesional dalam bidang koperasi. Seramai 101 orang graduan telah diraikan sempena Majlis Konvokesyen MKM Ke-15 dengan kehadiran tetamu kehormat Y.B. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). Majlis ini telah diadakan di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor yang pertama kalinya diadakan di luar kampus MKM.

Seramai 101 graduan telah menerima anugerah masing-masing iaitu 81 orang penerima Diploma Pengurusan Koperasi MKM (DPK-MKM), 14 orang penerima Diploma Profesional Pengauditan Koperasi (DPPK MKM-ICMA) dan selebihnya 6 orang penerima Sijil Pengurusan Koperasi (SPK-MKM).



Graduan Cemerlang DPK-MKM  
Radin Mohamad Hanafi bin Radin Hassan

Pada majlis tersebut, seramai 13 graduan telah terpilih sebagai penerima graduan cemerlang dan terbaik. Bagi graduan DPK-MKM, graduan cemerlang telah dianugerahkan kepada saudara Radin Mohamad Hanafi bin Radin Hassan dengan memperolehi Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.83, dan seramai 8 graduan DPK-MKM menerima anugerah graduan terbaik dengan PNGK di antara 3.50 – 3.61.

Bagi graduan DPPK MKM-ICMA, mereka adalah graduan sulung kelahiran MKM yang mana program ini dijalankan melalui kerjasama MKM dengan Institute of Co-operative Management Auditors (ICMA). Manakala graduan SPK-MKM adalah graduan daripada MKM Cawangan Sarawak.

Ucapan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dan telah menerima anugerah masing-masing agar terus mendukung kecemerlangan dalam bidang seterusnya. Negara sentiasa mengharapkan pelbagai kecemerlangan ke arah negara maju tahun 2020 dan diharapkan graduan yang diraikan pada hari ini akan terus menyumbang kepada agenda pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan. *-Mohd Nusi-*



Ahli keluarga yang hadir memeriahkan majlis konvokesyen



Suasana di dalam dewan konvokesyen



# Perasmian MKM Wilayah Utara

OLEH YB MENTERI KPDNKK  
YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
PADA 13 JANUARI 2011



Menteri KPDNKK memotong reben sebagai tanda perasmian pejabat MKM Wilayah Utara



Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob menandatangani plug perasmian pejabat MKM Wilayah Utara



Tanggal 13 Januari 2011 mencatat sejarah bagi MKM Wilayah Utara khususnya dan MKM amnya di mana rasmi sudah p e m b u k a a n Pejabat Wilayah

Utara di Alor Setar Kedah Darul Aman yang dilakukan oleh Menteri KPDNKK YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Majlis gilang gemilang tersebut berlangsung di perkarangan

pejabat MKM Wilayah Utara, No 1515 Wisma KGMKB, Jalan Tunku Ibrahim, iaitu berhadapan dengan Pekan Rabu, Alor Setar Kedah. Tetamu yang hadir terdiri daripada koperator dari negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang yang berjumlah hampir 500 orang. Turut hadir adalah pegawai-pegawai daripada PPDNKK negeri Kedah, pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Tetamu jemputan VIP pula termasuk YB Dr. Ku Abdul Rahman bin Ku Ismail, ADUN Gua Chempedak, KSU Kementerian KPDNKK, Ahli Majlis MKM serta beberapa kenamaan yang lain.

YB Dato' Sri Ismail Sabri berkata usaha MKM menubuhkan kampus MKM Wilayah Utara di Alor Setar Kedah ini adalah sebagai menyokong aspirasi kerajaan untuk memperkukuhkan pembangunan modal insan gerakan koperasi melalui latihan dan pendidikan serta lain-lain perkhidmatan yang berteraskan ilmu yang inovatif dan kreatif. Dengan wujudnya kampus Wilayah ini, diharap MKM akan dapat memberi latihan dan pendidikan kepada koperasi di Wilayah Utara ini



yang merangkumi Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara. Dalam masa yang sama, MKM dapat membantu mempercepatkan pembangunan Koridor Utara (NCER) khususnya dalam bidang pembangunan modal insan.

Beliau juga mengingatkan bahawa koperator perlu memainkan peranan yang penting dalam gerakan koperasi bagi memenuhi aspirasi kerajaan untuk menjadikan koperasi pemangkin kepada ekonomi melalui sumbangan kepada KDNK negara kepada 5 peratus menjelang tahun 2020. Penetapan sasaran oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk mendaftarkan 10,000 buah koperasi menjelang 2013 akan dilaksanakan melalui perancangan strategik SKM dan KPDKK. Selain meningkatkan ekonomi anggotanya, koperasi perlu melangkah ke hadapan selaras dengan perubahan semasa dan menceburi diri dalam pelbagai sektor termasuklah sektor perumahan, pertanian, perindustrian dan yang terbaru adalah dalam sektor peruncitan dan pemborongan. Pihak kementerian tiada halangan untuk memberikan lesen pemborongan dan peruncitan kepada koperasi.

Dalam ucapannya lagi, YB Menteri turut berharap agar MKM dan SKM akan bekerjasama dalam memulihkan

koperasi-koperasi yang bermasalah supaya dapat dihantar ke MKM bagi melatih dan membimbing serta memulihkan koperasi-koperasi berkenaan dari segi pentadbiran dan pengurusan koperasi. Beliau dimaklumkan MKM juga menyediakan kepakaran khidmat nasihat dan konsultasi dan berharap ia diusahakan dengan lebih giat lagi dalam meningkatkan penglibatan koperasi dalam menjayakan matlamat bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menerusi perniagaan dan keusahawanan.



YB Dato' Sri Ismail Sabri duduk didalam kelas untuk merasai suasana pembelajaran MKM



Sebahagian peserta dan ahli koperasi yang hadir di majlis perasmian MKM

Keadaan dan suasana MKM Wilayah Utara

# Majlis Menandatangani MoU MKM-METEOR dan Program Padanan Perniagaan Koperasi

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

**K**ejayaan peningkatan modal insan dalam perkembangan dan pembangunan koperasi salah satunya adalah terletak pada penguasaan ilmu koperasi selari dengan Teras Strategik III dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020. Tanggal 3 Mac 2011 menjadi hari bersejarah bagi seluruh warga koperator apabila satu Majlis Penyerahan MOU antara MKM dan Meteor iaitu anak syarikat OUM telah diadakan. MOU tersebut adalah merupakan usahasama antara MKM dan Meteor dalam membangunkan pembelajaran secara dalam talian atau 'e-learning' bagi Program Sijil Pengurusan Koperasi.

**Objektif utama adalah untuk memberi kemudahan kepadapara koperator mempelajari ilmu koperasi tanpa perlu menghadiri kelas-kelas di MKM**

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Rohani Bt Abdul Karim, Timbalan Menteri KPDNKK bertempat di Auditorium MKM dengan dihadiri oleh wakil-wakil agensi dan juga koperator. Harapan MKM dengan termeterainya MOU ini, maka para koperator dapat mengambil manfaat dan menggunakan sepenuhnya kemudahan tersebut. Bersempena dengan majlis ini juga satu perjumpaan antara koperasi Program Padanan Perniagaan turut diadakan untuk mendapatkan maklumbalas hasil siri jelajah koperasi yang telah dijalankan pada bulan Disember 2010 yang lepas.

-Aida-



# Lawatan Delegasi dari ICA (AP) ke MKM

Pada 28 Februari 2011, Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah menerima kunjungan lawatan daripada Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia Pasifik (ICA-AP). Mereka mengadakan kursus bersempena 5th ICA-JAPAN Training Course – “Enhancement of Farmer’s Income & Poverty Reduction Through Cooperatives” di tiga (3) buah negara iaitu India, Malaysia dan Jepun. Kunjungan pelawat ini terdiri daripada wakil 12 negara di Asia dan diketuai oleh Mr. Ashok Kumar Taneja, Manager of International Co-operative Alliance (ICA).

Antara program yang terdapat dalam kursus ini adalah lawatan kerja ke Malaysia dan MKM telah dipilih sebagai salah satu lokasi lawatan untuk para delegasi yang mengikuti kursus tersebut. Lawatan ini bertujuan memberi peluang kepada wakil-wakil negara bagi mempelajari aktiviti koperasi atau agensi berkaitan koperasi serta mendalami pengalaman koperasi di Malaysia dalam operasi dan pengurusan aktiviti yang dijalankan terutamanya berkaitan bidang pertanian. Selain itu juga, para delegasi dibawa melawat ke sekitar MKM untuk melihat kemudahan yang disediakan seperti perpustakaan, auditorium, pasar mini dan bakeri sebagai maklumat tambahan berhubung aktiviti yang dijalankan di MKM.



sesi tayangan video korporat sedang berlangsung

En. Rashiman, Pegawai Penerangan (kiri) dan Pn. Julia Bee Ramjan (tengah) b'gambar kenangan bersama peserta delegasi



Sesi pemberian cenderamata sebagai tanda kenangan

# Lawatan Delegasi dari Sri Lanka

Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah menerima kunjungan dari Sri Lanka Consumer Cooperative Societies Federation Ltd pada tanggal 23 Mac 2011 dan telah dihadiri seramai dua puluh dua (22) orang delegasi. Diketuai oleh Mr. Roshan De Silva, rombongan ini bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas peranan serta bidang tugas yang dipikul oleh MKM dalam mengukuhkan nama sebagai sebuah institusi pendidikan koperasi terulung di rantau Asia.

Atur cara lawatan pada petang itu dimulakan dengan penyampaian taklimat daripada YM Pn. Hjh. Raja Maimon Raja Yusof selaku Timbalan Pengarah Akademik MKM dan tayangan video korporat MKM kepada para delegasi. Pelbagai isu serta maklumat yang dibincangkan telah menambat hati para delegasi yang sangat responsif sewaktu sesi soal jawab diadakan. Lawatan kerja kali ini berjaya mencapai matlamatnya dan sebelum lawatan berakhir, para delegasi telah dibawa melawat ke sekitar MKM untuk melihat kemudahan-kemudahan yang terdapat di sini.

Para delegasi sedang khusyuk mendengarkan taklimat MKM



YM Pn. Hjh Raja Maimon Raja Yusof (kiri) menyampaikan cenderamata dari MKM kepada Mr.Roshan de Silva

YM Pn. Hjh Raja Maimon Raja Yusof (Tengah) bergambar kenangan bersama rombongan delegasi





## Lawatan Kerja Timbalan Menteri Koperasi Iran ke MKM

Pada 2 Mac 2011, satu delegasi daripada Kementerian Koperasi Republik Iran telah mengadakan satu kunjungan hormat ke Maktab Kerjasama Malaysia (MKM). Delegasi dari Iran ini terdiri daripada 12 orang pelawat termasuk Timbalan Menteri Koperasi Iran, Sir Vahhab Farahmand dan wakil daripada koperasi berjaya di sana. Tujuan delegasi ini mengadakan lawatan ke MKM adalah untuk mengetahui tentang kursus yang diadakan dan fungsi yang dijalankan oleh MKM sebagai salah sebuah agensi yang bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam pendidikan koperasi bagi koperator di Malaysia.

Pelbagai maklumat mengenai MKM telah dibincangkan bersama para delegasi antaranya berkaitan dengan isu-isu gerakan koperasi, kursus-kursus yang ditawarkan di MKM serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di sini. Diselitkan juga tayangan video korporat kepada para delegasi. Maklumat utama lawatan tercapai dimana para delegasi juga memberi respon yang baik serta berpuas hati dengan maklumat yang diperoleh.



# Lawatan Kerja 'Acheh Society Development Cooperative BIREUEN-ACEH-INDONESIA

Acheh Society Development Cooperative Bireuen-Aceh-Indonesia telah membuat lawatan kerja ke Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) bagi memperkenalkan keunikan MKM sebagai salah sebuah institusi pendidikan koperasi yang terkenal di rantau Asia. Oleh itu, MKM menyambut kunjungan para delegasi dari Aceh yang tiba pada 29 April 2011 dengan tangan terbuka. Seramai lima (5) orang delegasi yang diketuai oleh En. Tgk. Nasruddin Ahmad selaku Presiden of ASD/Chairman ASD Coop telah menyertai rombongan lawatan.



Pn. Julia Bee Ramjan (kiri) menyampaikan cenderamata kepada wakil dari delegasi Aceh



Sesi perbincangan antara MKM-Acheh sedang dijalankan

Tujuan lawatan adalah untuk membincangkan mengenai keinginan untuk menandatangani memorandum usaha sama (MoU) bersama MKM dalam usaha untuk memperkukuhkan hubungan dua hala dalam pembangunan dan kemajuan gerakan koperasi mengikut keperluan dan aliran semasa. Pelbagai isu dan maklumat penting telah dibincangkan agar jalinan usaha sama ini dapat direalisasikan demi manfaat yang bakal dicapai bukan sahaja kepada warga kerja kedua-dua buah institusi malah kepada gerakan koperasi Malaysia dan Aceh.

Bergambar kenangan sebagai tanda ingatan





## COBIIR – 1st INTERNATIONAL COLLOQUIUM ON BRANDING, IMAGE, IDENTITY AND REPUTATION

Buat pertama kalinya hasil penyelidikan MKM telah dibentangkan di peringkat antarabangsa. Kertas penyelidikan yang bertajuk "Cooperatives as Display of Organisational Identities and as Corporate Marketing Tools" telah dibentangkan di 1st International Colloquium on Branding, Images, Identity and Reputations di Zurich, Switzerland. Program anjuran University of Brunel, United Kingdom dengan kerjasama ZHAW University, Zurich telah berlangsung selama 2 hari iaitu dari 15 hingga 16 Mac 2011. Program ini diadakan di Swissotel, Zurich dengan kehadiran seramai 45 orang peserta dari seluruh dunia.

Sebanyak 38 buah kertas penyelidikan telah dibentangkan oleh para pembentang kertas kerja yang terdiri daripada pensyarah dari pelbagai universiti serta pelajar-pelajar doktor falsafah (PhD). Pegawai MKM yang

membentangkan kertas penyelidikan ialah Pn. Hajah Raja Maimon Raja Yusof dan Pn. Rahimah Abd. Samad. Kesemua kertas yang dibentangkan berkaitan dengan penjenamaan, imej, identiti dan reputasi sesebuah organisasi atau produk.

Dunia pemasaran amat luas, program ini telah membuka ruang minda para peserta memahami dan mendalami isu-isu yang dibangkitkan. Hasil dari kajian ini pula dapat membantu meningkat dan menambahbaik sesuatu produk, perkhidmatan dan juga organisasi.

## 2nd ICA-SCNF SEMINAR SINGAPURA PEMASARAN DIGITAL MELALUI LAMAN SOSIAL

International Cooperative Alliance (ICA) dengan kerjasama Singapore National Cooperative Federation (SNCF) telah menganjurkan seminar bertempat di Management Development Institute of Singapore (MDIS), Singapura pada 20 – 22 Oktober 2010. Fokus utama seminar ini adalah untuk mendedahkan kepada gerakan koperasi alat – alat pemasaran terkini berkonsepkan digital dan mesra pengguna. Seminar yang telah dihadiri oleh 34 orang wakil dari enam (6) buah negara ini merupakan siri yang kedua setelah siri pertama yang diadakan pada 23 – 24 Oktober 2009 ditempat yang sama. Negara – negara yang telah menghantar wakil untuk turut sama menyertai seminar buat kali ini ialah dari Malaysia, India, Filipina, Vietnam, Indonesia dan majoriti peserta adalah dari negara tuan rumah sendiri iaitu Singapura.

Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk menawarkan kepada pemimpin koperasi, terutama dari negara-negara ASEAN pemahaman yang mendalam berkaitan revolusi sosial media dan bagaimana koperasi dapat menukar cara perniagaan berkonsepkan tradisional ke arah yang lebih berteknologi iaitu dengan menggunakan laman sosial untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan tanpa perlu penggunaan sumber yang berlebihan.

Di antara teknik – teknik pemasaran digital yang diperkenalkan sewaktu sesi seminar ialah pemasaran melalui laman sosial iaitu laman facebook, twitter, blog, website, myspace dan beberapa lagi laman sosial yang digemari pelayar – pelayar internet.

## Program Lawatan Kerja YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan dan Info Franchise & Business Concept Expo (IFBC) 2011 Bandung, Republik Indonesia Pada 8 Hingga 10 April 2011



Booth MKM



Pegawai MKM sedang memberi penerangan kepada pengunjung

Program Info Franchise & Business Concept Expo (IFBC) 2011 telah diadakan di Bandung, Republik Indonesia pada 8 hingga 10 April 2011. Lawatan kerja ini diketuai oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Objektif utama lawatan kerja dan program Info Franchise & Business Concept Expo (IFBC) 2011, Bandung, Republik Indonesia ini adalah untuk mempromosikan industri perniagaan Malaysia dan peluang usahasama di antara Malaysia dan Indonesia.

Beberapa aktiviti telah berlangsung sepanjang IFBC 2011 seperti;

- (i) Penyertaan KPDNKK, agensi-agensi, francais tempatan, gerakan koperasi, syarikat jualan langsung tempatan dan industri kecil & sederhana (IKS) serta perasmian di bawah Pavilion Malaysia pada program IFBC 2011;
- (ii) Lawatan kerja ke outlet francais Bengkel Motor Xtra di Bandung, Indonesia; dan
- (iii) Sesi Forum Perniagaan Francais Malaysia bagi mempromosikan industri francais, koperasi, jualan langsung dan IKS Malaysia

Program Info Franchise & Business Concept Expo (IFBC) 2011 ini telah diadakan bertempat di Graha Manggala Siliwangi, Bandung, Republik Indonesia. Penyertaan IFBC 2011 pada kali ini melibatkan syarikat-syarikat daripada perniagaan francais, gerakan koperasi, jualan langsung dan IKS Malaysia. Selain itu, penyertaan pada kali ini juga melibatkan enam (6) buah agensi di bawah KPDNKK, duabelas (12) syarikat francais tempatan, enam (6) gerakan koperasi, tiga (3) syarikat jualan langsung dan satu (1) syarikat IKS. MKM juga menyertai program ini sebagai pemamer dengan membuka satu (1) booth untuk memberi maklumat mengenai kemasukan pelajar-pelajar asing ke Malaysia.

Perasmian Pavilion Malaysia telah disempurnakan oleh YB Menteri PDNKK bersama-sama dengan Bapak Ir. Subagyo, Wakil Menteri, Kementerian Perdagangan Republik Indonesia pada 8 April 2011 di Dewan Graha Manggala Siliwangi, Bandung, Republik Indonesia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada kali ini merupakan penyertaan kali kedua untuk tahun 2011. Penyertaan KPDNKK dengan kerjasama Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Persatuan Francais Malaysia (MFA) dilihat dapat:

- Mempromosikan perniagaan francais, koperasi, jualan langsung dan IKS Malaysia ke pasaran ASEAN khususnya Indonesia;
- Memberikan peluang kepada perniagaan francais, koperasi, jualan langsung dan IKS Malaysia untuk meneroka pasaran antarabangsa; dan
- Kajian pasaran terhadap negara ASEAN khususnya Indonesia.

Hasil daripada program Info Franchise & Business Concept Expo (IFBC) 2011 ini, MKM dapat mempromosikan program latihan MKM bagi menarik minat pelajar asing dari Indonesia.

Antara Franchise yang terdapat di Ekspo tersebut



Pegawai MKM serta wakil yang terlibat dalam pameran

# MKM di China Franchise Expo

7 - 9 Mei 2011



Booth pameran MKM



Pada 7 - 9 Mei 2011, Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah mengikuti ekspo dan pameran China Franchise Expo 2011 yang telah diadakan di China National Convention Center, Beijing China. Program ini adalah antara lain bertujuan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan tempatan ke Republik China.

Sebanyak 434 buah booth pemamer telah mengikuti program ini. Bagi Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengetuai rombongan pengusaha-pengusaha tempatan yang terdiri daripada 11 syarikat francais dan 2 syarikat koperasi ke ekspo dan pameran China Franchise Expo 2011.

China Franchise Expo 2011 merupakan platform pertama yang digunakan oleh rombongan pengusaha tempatan di Beijing, China dalam usaha mencari dan menembusi pasaran baru di negara tersebut. Penyertaan yang julung-julung kali ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai KPDNKK, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Maktab Kerjasama Malaysia Berhad (MKM), Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan 11 syarikat francaisor tempatan seperti England Optical Group Sdn. Bhd., Daily Fresh Foods Sdn. Bhd., Proquaz Sdn. Bhd., Cambridge English For

Life Sdn. Bhd., D'Tandoor Food Industries Sdn. Bhd., Station One Products Sdn. Bhd., Rakyat Management

Sdn. Bhd., Sahabat SMI Consulting Sdn. Bhd., 501 Millenium Sdn. Bhd. dan Grand Master Global Sdn. Bhd. Manakala syarikat koperasi adalah terdiri daripada Koperasi Peneroka Sungai Tenji Berhad dan Koperasi Telekom Malaysia Berhad.

Pavillion Malaysia di China Franchise Expo 2011 telah dirasmikan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 7 Mei 2011 jam 10.00 pagi. Ekspo dan pameran ini juga adalah bersempena dengan program Lawatan YB Menteri KPDNKK ke Beijing, China. Bagi pihak MKM, Ketua Pusat Antarabangsa Dan Pendidikan Tinggi, Pn. Norwatim Abd. Latiff telah mengikuti rombongan lawatan YB Menteri dan En. Mohd Nusi Abdul Rahman serta En. Abdul Razak Osman sebagai pemamer bagi booth MKM di pavilion Malaysia. *-Mohd Nusi-*



## Seminar

# “Sinergi Rantainya Nilai dalam Peningkatan Ekonomi Koperasi”

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Pegawai Latihan MKM dalam sektor peruncitan didapati kejayaan sesebuah koperasi untuk menceburi bidang peruncitan adalah berdasarkan kepada pandangan atau persepsi koperasi itu sendiri tentang perniagaan runcit dan ciri yang ada pada koperasi itu untuk menceburi bidang peruncitan. Atas inisiatif pihak MKM, satu seminar telah diadakan berkaitan tentang isu ini yang memberi fokus kepada rantaian nilai antara koperasi. Seminar ini telah dihadiri seramai lebih kurang 290 orang peserta dan kebanyakannya adalah peserta daripada negeri sebelah Pantai Timur.

Seminar yang berlangsung di Hotel Renaissance Kota Bharu Kelantan pada 4 dan 5 Mei 2011 dengan bertemakan “Sinergi Rantainya Nilai Dalam Peningkatan Ekonomi Koperasi” telah mengupas isu-isu yang relevan berkaitan rantaian nilai. Isu ini dikupas melalui 5 sesi pembentangan kertas kerja daripada 5 orang pembentang yang berpengalaman dalam bidang

“Seminar yang berlangsung di Hotel Renaissance Kota Bharu Kelantan pada 4 dan 5 Mei 2011 dengan bertemakan “Sinergi Rantainya Nilai Dalam Peningkatan Ekonomi Koperasi” telah mengupas isu-isu yang relevan berkaitan rantaian nilai”

berkaitan. Seminar ini diakhiri dengan bengkel berkumpul oleh para peserta yang membincangkan peranan MKM, SKM, Angkasa dan Koperasi dalam menjayakan proses rantaian nilai ini. Wakil setiap kumpulan telah membentangkan hasil perbincangan mereka kepada para peserta dalam satu sesi khusus dan resolusi daripada perbincangan tersebut telah diserahkan kepada Pengarah MKM semasa Majlis Perasmian Penutupan untuk diambil tindakan.



Peserta mengajukan soalan



Penceramah jemputan

Para peserta sedang mendengar seminar





## Seminar "Teknologi Hijau : Perniagaan Baru Masa Kini"

Dasar Teknologi Hijau telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Selaras dengan agenda tersebut, Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah mengambil satu inisiatif dengan mengadakan seminar yang bertajuk "Teknologi Hijau: Perniagaan Masa Kini" di bawah penyelarasan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) yang telah berlangsung

pada 9 Mac hingga 10 Mac 2011 di Bayu Beach Resort, Port Dickson.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg Tuan Haji Idris bin Ismail, Pengarah MKM dan telah berjaya menarik penyertaan peserta dari sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Seramai 250 orang peserta telah menyertai seminar ini yang kebanyakannya terdiri daripada

Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus dan kakitangan koperasi, pegawai-pegawai agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan koperasi dan anggota koperasi. Turut hadir sama di dalam seminar tersebut adalah wakil-wakil dari pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA.

Para peserta yang menghadiri seminar



Objektif program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan mempertingkatkan pengetahuan dalam Teknologi Hijau di samping dapat mengenal pasti potensi perniagaan Teknologi Hijau yang boleh diceburi sebagai perniagaan baru koperasi. Selain itu juga, seminar ini dapat menyediakan landasan untuk koperasi membina jaringan dengan agensi, syarikat dan usahawan yang terlibat dalam Teknologi Hijau.

Sepanjang 2 hari program seminar berlangsung terdapat 5 pembentangan kertas kerja mengenai Teknologi Hijau dan diakhiri dengan sesi forum. Pelbagai soalan, pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh para peserta sepanjang sesi soal jawab berlangsung. Di samping penglibatan aktif para peserta, pembentangan yang berkesan telah berjaya memberikan impak yang positif kepada semua peserta yang hadir dalam usaha memastikan kejayaan koperasi menceburkan diri dalam perniagaan Teknologi Hijau. Berikut merupakan senarai nama penceramah yang terlibat di dalam sesi pembentangan kertas kerja dan forum.



Sesi pemberian cenderamata kepada tetamu jemputan



Para pembentang

Peserta mengambil peluang bertanyakan soalan

No.	Kertas Kerja	Nama Pembentang
1.	Kertas Kerja 1 : <b>Pengenalan dan Dasar Teknologi Hijau Negara</b>	En. Mohd. Azlan ZaharudinKetua Penolong SetiausahaKementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
2.	Kertas Kerja 2 : <b>Galakan dan Insentif Kerajaan dalam Perniagaan Teknologi Hijau</b>	En. Mohd. Azlan ZaharudinKetua Penolong SetiausahaKementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
3.	Kertas Kerja 3 : <b>Membudayakan Teknologi Hijau dalam Kehidupan</b>	Dr. Nazily Mohd. NoorKetua Pegawai EksekutifMalaysia Green Technology Corporation
4.	Kertas Kerja 4 : <b>Kriteria Produk Berteknologi Hijau</b>	Dr. Chen Sau SoonPengurus Besar KananPusat Penyelidikan Teknologi Alam Sekitar, SIRIM Bhd.
5.	Kertas Kerja 5 : <b>Perkongsian Pengalaman dalam Perniagaan Teknologi Hijau</b>	Pn. Noor Azlinda Md. NoorPengurusD' Cinda Enterprise En. Zulkiflee BidinAhli Lembaga KoperasiKoperasi Waiz K Agro Shah Alam Bhd.
6.	Forum : <b>Potensi Perniagaan Teknologi Hijau dalam Gerakan Koperasi</b>	Ahli PanelEn. Mohd. Azlan Zaharudin (KeTTHA)En. Zulkiflee Bidin (Kop. Waiz K Agro Shah Alam Bhd.)Pn. Noor Azlinda Md. Noor (D'Cinda Enterprise)



CD e-Learning ini. Anggota hanya perlu mendapatkan CD tersebut di MKM dan memiliki komputer dengan spesifikasi minimum seperti Pemproses Pentium IV dan ke atas, Memori (RAM) sebanyak 512MB dan ke atas, paparan resolusi 1024x768 piksel, paparan bunyi 16 bit, pemacu CD-ROM 40x dan ke atas di samping menggunakan Persekitaran Sistem Pengoperasian (OS) Windows XP dan ke atas.

## Penerbitan CD e-Learning MKM : MS Word 2007 dan MS Power Point 2007

Seiring dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah mengambil langkah proaktif dalam bidang pendidikan khususnya gerakan koperasi negara dengan memperkenalkan CD e-Learning untuk pembelajaran yang lebih luas dan lebih mesra pengguna untuk anggota koperasi.

Projek Pembangunan CD e-Learning ini telah bermula pada tahun 2009 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2010. Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat (UTM) telah diberikan tanggungjawab untuk menyelia pembangunan CD e-Learning bagi aplikasi Microsoft Word 2007 dan Microsoft Power Point 2007.

Anggota koperasi kini akan lebih berpeluang mempelajari dua (2) perisian penting ini dengan lebih mudah dan tidak lagi perlu menghadiri kursus di MKM dengan terhasilnya

CD e-Learning Microsoft Word 2007 mengandungi dua puluh dua (22) tutorial seperti kerja-kerja memformat dokumen, memasukkan bullet dan nombor, pautan (hyperlink), memasukkan rujukan, penggunaan alat penyuntingan serta jadual (table). Manakala CD e-Learning Microsoft Power Point 2007 pula mempunyai sebanyak 15 tutorial seperti menyunting slide pembentangan, memasukkan aksi mouse over ke dalam objek, melakukan contengan skrin semasa persembahan serta memberikan kesan pada tampilan teks. CD e-Learning ini juga turut disertakan dengan audio yang dapat membantu pembelajaran secara lebih menarik dan berkesan.

Sehubungan itu, MKM mengharapkan dengan terhasilnya CD e-Learning ini dapat membantu gerakan koperasi menguasai dua (2) aplikasi perisian penting yang biasa digunakan di koperasi iaitu MS Word 2007 dan MS Power Point 2007 dengan lebih fleksibel. -Faiz-

# Lawatan Kerja ke Koperasi Warga Penduduk Terengganu Berhad (KOGURU) Koperasi Adik Kakak Kampung Pulau Rusa Kuala Terengganu Berhad (KODIKA)

Satu lawatan kerja oleh empat orang Pegawai Latihan MKM ke KOGURU dan KODIKA telah diadakan pada 7 dan 8 Februari 2011. Tujuan lawatan ini ialah untuk melihat keberkesanan Sistem Pengurusan Kredit berkomputer yang digunakan di kedua-dua koperasi tersebut dan seterusnya menilai keberkesanan sistem ini untuk digunakan oleh koperasi lain.

Taklimat di KOGURU telah disampaikan oleh Pengerusi koperasi itu sendiri iaitu Tn. Hj. Alias bin Yahya. KOGURU telah mula membangunkan sistem ini secara berperingkat-peringkat selama lima tahun mengikut keperluan koperasi. Sistem ini boleh membantu dalam pembuatan keputusan untuk melayakkan seseorang anggota untuk mendapatkan pinjaman. Sistem ini telah mempercepatkan dan memudahkan proses permohonan pinjaman dan seterusnya ia mampu mengira jumlah bayaran bulanan dan menjana laporan yang sesuai dengan kehendak koperasi.

Taklimat di KODIKA pula telah disampaikan oleh Anggota Lembaga Koperasi iaitu Encik Abdullah bin Haji Mohd Ali. KODIKA pula mempunyai satu sistem yang lengkap yang dapat membantu di dalam operasi harian di sebuah koperasi kredit. Dengan

penggunaan sistem ini koperasi tidak perlu mempunyai kakitangan yang ramai. Seperti di KODIKA, ia bergantung penuh kepada sistem ini dan koperasi ini hanya mempunyai seorang kakitangan koperasi sahaja yang menjalankan semua urusan pentadbiran koperasi. Sistem ini mampu menyimpan maklumat keanggotaan, modal syer, yuran dan maklumat pinjaman setiap anggota koperasi. Sistem ini mampu menjana laporan yang sesuai untuk pengurusan dan pentadbiran koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

Hasil dari lawatan ini akan dipanjangkan kepada koperasi kredit yang lain supaya sistem ini dapat membantu operasi harian koperasi kredit. ~ Rosidah~



Kakitangan KOGURU sedang menggunakan sistem berkomputer



KOGURU



Pengerusi KODIKA sedang memberi taklimat



Pengurus KODIKA



# Bicara Tokoh: “Skim Pajak Gadai Islam: Peluang Perniagaan Kepada Koperasi”

Pada 26 Mei 2011, Pusat Antarabangsa Dan Pendidikan Tinggi (Antarabangsa), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah menganjurkan program Bicara Tokoh yang bertajuk “Skim Pajak Gadai Islam: Peluang Perniagaan Kepada Koperasi” di Cinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah.

Program ini telah dirasmikan oleh YM Raja Maimon bt. Raja Yusof, Timbalan Pengarah Akademik MKM yang mewakili Pengarah MKM. Seramai 2 orang penceramah jemputan yang berpengalaman dalam bidang skim pajak gadai Islam telah diundang untuk mengupas dan membincangkan tajuk ini. Mereka adalah Y. Bhg. Dato’ Abdullah Sani

Ibrahim, Pengerusi Ar-Rahnu Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad dan Y. Bhg. En. Zain Mohd Ismail, Pengerusi Koperasi Seruan Emas Perak Berhad. Manakala moderator adalah Y. Bhg. Pn. Norwatim bt. Abd. Latiff, Ketua Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi

Objektif program ini adalah untuk memberi maklumat dan faedah-faedah skim Ar-Rahnu koperasi dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam aktiviti Ar-Rahnu koperasi. Dengan objektif yang telah dirangka ini dan kehadiran penceramah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang Ar-Rahnu, pelbagai maklumat dan input telah

disampaikan. Diikuti dengan sesi soal jawab yang begitu interaktif yang mana peserta menunjukkan minat dalam peluang perniagaan ini.

Program separuh hari ini telah berjaya menarik seramai 125 orang peserta yang terdiri dari pelbagai peringkat jawatan dalam koperasi iaitu golongan kepimpinan koperasi (Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari), golongan pengurusan koperasi dan seterusnya dikalangan anggota koperasi. Para peserta turut berharap agar program ini dapat dipanjangkan supaya maklumat dapat disalurkan secara terperinci. Laporan lengkap tentang program ini boleh diperolehi di perpustakaan MKM. *-Mohd Nusi-*



Penceramah Jemputan dan Moderator Program Bicara Tokoh Pusat Antarabangsa



YB Dato’ Abdullah Sani Ibrahim (kiri), menyampaikan cenderamata kepada YM Pn. Hajah Raja Maimon Raja Yusof (kanan)



Seorang peserta sedang bertanyakan soalan kepada penceramah jemputan

*Bicara Eksekutif:*

# Keberdayasaingan Koperasi Dalam Ekonomi Semasa: Antara Realiti dan Harapan

**P**rogram Bicara Eksekutif ini telah dijalankan pada 15 Disember 2010 (Rabu) bertempat di Hotel Carlton Holiday, Shah Alam, Selangor. Majlis ini dihadiri oleh lebih kurang 300 orang peserta yang kebanyakannya terdiri dari para koperator di sekitar Lembah Klang, Negeri Selangor dan dari negeri-negeri berhampiran seperti Perak dan Negeri Sembilan. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Dr. Hajah Jamilah binti Din, selaku wakil Pengarah Maktab Kerjasama Malaysia.

Pemilihan tema “Keberdayasaingan Koperasi Dalam Ekonomi Semasa : Antara Realiti dan Harapan” adalah bersandar kepada objektif program yang antara lain mahu melihat kebangkitan gerakan koperasi di Malaysia sebagai entiti yang mampu “berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah” dengan entiti perniagaan lain yang dominan di negara ini. Program kali ini juga berharap dapat meningkatkan kesedaran gerakan koperasi untuk meningkatkan kemampuan daya saing mereka bagi menghadapi cabaran dalam ekonomi semasa yang semakin mencabar.

Untuk tujuan itu dua orang tokoh, yang terdiri daripada tokoh korporat dan pemimpin gerakan koperasi, telah dijemput untuk mengupas tajuk yang berkaitan dengan tema program ini. Sesi pembentangan kertas kerja oleh kedua-dua tokoh tersebut dipengerusikan oleh moderator dari Maktab Kerjasama Malaysia sendiri, iaitu En. Mohd Safa'ai bin Said, Ketua Pusat Perundangan dan Pentadbiran Koperasi.

Pembentang kertas yang pertama ialah Tuan Haji Johari bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Mofaz Direct SA Sdn. Bhd, yang bertajuk : Tranformasi Imej dan Kualiti Produk dan Perkhidmatan sebagai Teras Keberdayasaingan Koperasi. Selepas selesai pembentangan kertas kerja pertama, Tuan Hj. Mustapha Bin Md. Nasir, Setiausaha Kehormat Koperasi Telekom Malaysia (KOTAMAS) pula mengambil tempat bagi menyampaikan kertas kerja beliau bertajuk “Strategi dan Peluang Pelaburan untuk Koperasi”. Sejurus selepas selesai sesi pembentangan kedua-dua tokoh tersebut, satu sesi soal jawab telah diadakan. Semua persoalan, cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh semua pihak telah di bawa kepada pihak-pihak berkaitan.

Sebagai rumusan, program ini dilihat berjaya membuka minda koperator tentang pentingnya mengubah pendekatan sedia ada dalam mengendalikan perniagaan dalam ekonomi semasa. Disamping itu para koperator juga disedarkan tentang pentingnya untuk beralih penglibatan dari bidang yang kurang menguntungkan kepada bidang lain yang banyak terbentang luas untuk direbut, yang pastinya jauh lebih menguntungkan, seperti bidang yang berasaskan teknologi, walaupun lebih mencabar dan lebih berisiko. Maktab Kerjasama Malaysia telah menzahirkan kesediaan untuk menjadi fasilitator apabila Mofaz menyatakan kesediaan bertindak sebagai mentor gerakan koperasi, jika ada koperasi atau gabungan koperasi-koperasi yang benar-benar serius untuk menceburlah dalam industri yang berasaskan teknologi tinggi. - Muhammad Yusuf-

Para peserta Kursus Pengurusan  
Peruncitan: Restoran dan Katering

# KURSUS PENGURUSAN PERUNCITAN: Restoran Dan Katering Di Hotel Selesa Johor Bahru

Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt) telah diamanahkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menjalankan serta menyelaras Kursus Pengurusan Peruncitan: Restoran dan Katering di Hotel Selesa, Johor Bahru.

Kursus ini berlangsung selama dua hari iaitu bermula dari 30 Mei 2011 hingga 01 Jun 2011 yang dihadiri oleh 33 orang daripada seluruh Malaysia. Para peserta juga merupakan peniaga-peniaga restoran dan katering yang berskala sederhana dan kecil.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman tentang prospek perniagaan restoran dan katering serta memberi pengetahuan tentang persediaan dan keperluan untuk menjadi usahawan restoran dan katering yang berjaya. Sepanjang kursus ini para peserta telah didedahkan dengan topik-topik penting seperti Kenali Perniagaan Anda, Analisis Perniagaan dan Meneroka Peluang Perniagaan Restoran dan Katering, Memahami Hak-Hak dan Gelagat Pengguna, Strategi Perniagaan Restoran dan Katering serta Pengurusan Kewangan. Peserta juga berpeluang mendengar ceramah dan juga tips-tips daripada pemilik LC Catering, Hj. Zaini Atan iaitu seorang usahawan bumiputera yang

berjaya dan boleh dibanggakan dalam perniagaan restoran dan katering.

Pada akhir kursus ini, para peserta telah dapat membuka mata bagaimana untuk menjadikan perniagaan mereka yang sedia ada ini untuk lebih maju dan berdaya saing di dalam industri ini. Segala kekuatan dan kelemahan yang ada pada mereka dapat dicungkil melalui kursus ini. Kursus ini dapat membantu para usahawan untuk lebih berjaya di masa hadapan. Program ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan dan para peserta juga berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa-masa yang akan datang.

~Noranita~



Semasa sesi  
perbincangan  
kumpulan



Pembentangan  
daripada peserta  
kursus





DETIK-DETIK MANIS  
PARA GRADUASI

*Majlis  
Kewakessyaan  
ke-15*

21 April 2011







Info • Galeri

# Majlis Bacaan Ikrar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian

(Bidang Tumpuan) Pengurusan  
Koperasi (BBA MKM-UUM)

7 Mac 2011



# Program Interprasi Pelajar MKM-UUM

29 April 2011



# Aktiviti Senamrobik

11 Mei 2011



# SUKANUN

(Kejujutan Sukan Persatuan Berkanun Malaysia kali ke-7)

6-11 Mei 2011



Wakil MKM,  
En. Muhammad  
Yusuf Ibrahim



*Bicara Eksekutif:*

# Potensi Perniagaan Penternakan Ikan Arowana Dan Taklimat Program Latihan MKM 2011

Pada 26 Januari 2011, telah berlangsung satu program Bicara Eksekutif bertajuk 'Potensi Perniagaan Penternakan Ikan Arowana' dan Taklimat Program Latihan MKM 2011 anjuran Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) di Selesa Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini telah dihadiri oleh 350 orang peserta di sekitar Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Selangor dan Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YM Hjh. Raja Maimon binti Raja Yusof selaku Timbalan Pengarah Akademik Maktab Kerjasama Malaysia. Turut hadir ialah Pengarah Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) Negeri Sembilan, Pn. Norashiken binti Ishak serta wakil daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) Negeri Sembilan.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman potensi penternakan ikan arowana yang boleh diceburi oleh koperasi dan untuk membuka peluang kepada koperasi bekerjasama dengan pengusaha yang telah menjalankan perniagaan ini serta mempromosikan kursus-kursus yang akan dijalankan di MKM pada tahun 2011. Program telah dimulakan dengan sesi taklimat Program Latihan MKM 2011 yang telah disampaikan oleh En. Muhammad Yusuf bin Ibrahim selaku Pegawai Latihan, Pusat Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan MKM dan bagi kertas kerja Bicara Eksekutif pula telah dibentangkan oleh En. Hilmi Mohamad Napiah selaku Pengurus Teknikal, Overseas Delight Sdn Bhd (ODSB). Pembentangan

daripada ODSB ini menyentuh berkenaan dengan perniagaan penternakan ikan arowana secara keseluruhan termasuk dari segi kos, pakej yang ditawarkan serta teknik penjagaan ikan arowana.

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab diadakan bersama peserta yang dipengerusikan oleh Dr. Hjh. Jamilah binti Din, Ketua Pusat Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan MKM, bagi mendapat maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap tajuk yang dibentangkan. Segala pandangan dan maklum balas yang dikemukakan akan dibawa ke pihak yang berkenaan dalam usaha memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa perniagaan penternakan ikan arowana ini mampu menjana keuntungan yang tinggi bersesuaian dengan modal atau kos yang telah dikeluarkan. Bagi koperasi yang berminat dan tidak mampu dengan pakej yang ditawarkan oleh ODSB ini boleh berbincang semula dengan pihak ODSB untuk pakej-pakej lain yang bersesuaian dengan koperasi. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif. ~ Noranita~



En. Hilmi Mohamad Napiah dan Dr. Hjh. Jamilah Din semasa sesi soal jawab



Peserta mengambil peluang bertanyakan soalan



Sesi penyampaian cenderahati

selaku Pegawai Latihan, Pusat Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan MKM dan bagi kertas kerja Bicara Eksekutif pula telah dibentangkan oleh En. Hilmi Mohamad Napiah selaku Pengurus Teknikal, Overseas Delight Sdn Bhd (ODSB). Pembentangan



## Bicara Eksekutif

# “Laman Rangkaian Sosial: Trend Komunikasi Masa Kini”

YM Puan Hjh. Raja Maimon Raja Yusof, Timbalan Pengarah MKM menyampaikan ucapan perasmian.

Selari dengan peredaran zaman digital, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Maktab Kerjasama Malaysia telah menganjurkan satu program Bicara Eksekutif bertajuk “Laman Rangkaian Sosial: Trend Komunikasi Masa Kini” yang diadakan di The Legend International Water Homes Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini telah berlangsung pada 1 Disember 2010 yang dirasmikan oleh YM Puan Hajah Raja Maimon Raja Yusof, Timbalan Pengarah Akademik Maktab Kerjasama Malaysia. Seramai 226 orang peserta dari kalangan Anggota lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Kecil, kakitangan koperasi, anggota koperasi dan pegawai yang menyelia koperasi di sekitar Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang telah menghadiri program ini.

Objektif utama program ini ialah untuk memberi pendedahan dan kefahaman tentang laman rangkaian sosial sebagai alat komunikasi masa kini serta berkongsi pengalaman berkaitan dengan penggunaan laman rangkaian sosial di koperasi. Sesi pembentangan kertas

kerja ini telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hassan, Ahli Majlis MKM.

En. Azli Paat, Pengarah DAPAT Vista Sdn. Bhd dan ADA Vista Sdn. Bhd iaitu pakar IT yang tidak asing lagi telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk Laman Rangkaian Sosial: Trend Komunikasi Masa Kini. Inti pati utama dalam sesi pembentangan beliau mengenai trend teknologi maklumat dan komunikasi bermula dari Desktop Publishing, Video Publishing, Multimedia sehinggalah kepada media baru seperti laman web, blog, rangkaian sosial dan laman portal. Beliau memberikan beberapa panduan mengenai laman sosial facebook yang popular pada masa kini yang boleh digunakan sebagai wadah berkesan untuk berkomunikasi dan sebagai alat sebaran maklumat masa kini. Pembentangan beliau diakhiri dengan beberapa kes pendedahan penipuan di alam siber dan tip-tip yang berguna untuk menangani



En. Azli Paat Paat sedang membentangkan kertas kerja.



Y.Bhg. Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali Bin Hassan selaku moderator pembentangan kertas kerja.

jenayah siber masa kini. Penyampaian beliau berjaya menarik perhatian peserta dengan penerangan yang penuh informatif dan jelas. Pembentangan seterusnya ialah Sesi Perkongsian Pengalaman oleh Koperasi Sahabat Interaktif Malaysia Berhad (KOSIM) yang disampaikan oleh Pengerusi KOSIM iaitu En. Azman bin Abdul Rahman.

**Beliau menjelaskan KOSIM ditubuhkan oleh sebuah Yahoo Group di internet dikenali sebagai Sahabat Interaktif Malaysia (SIM). Ia merupakan koperasi online pertama di Malaysia.**

Beliau turut berkongsi bagaimana koperasi ini bergerak secara online dengan menggunakan media baru seperti laman rangkaian sosial facebook, laman web dan blog dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka dan juga berkomunikasi antara anggota-anggotanya. Koperasi ini mampu menjadi koperasi yang berdaya maju dan dapat

meningkatkan ekonomi anggotanya.

Program ini telah berjaya membuka minda para koperator mengenai faedah-faedah penggunaan laman rangkaian sosial sebagai alat komunikasi dan pemasaran yang boleh dimanfaatkan dalam memajukan sektor koperasi seterusnya dapat memartabatkan sektor koperasi seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. *-Nor Aslamiah-*



Peserta mengajukan soalan semasa sesi soal jawab



Antara warga koperator yang hadir

# Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM 2011

Pada 20 Mei 2011 yang lalu, pihak MKM telah menganjurkan acara tahunannya iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bertempat di Auditorium Dato' Abd. Majid dengan dihadiri oleh semua kakitangan Petaling Jaya dan wakil daripada cawangan Sabah, Sarawak, Wilayah Utara, Timur dan Selatan.

Majlis telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Daud Tahir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Atur cara majlis pada majlis tersebut meriah dan ringkas

dengan dimulakan ucapan aluan daripada Pengarah MKM seterusnya ucapan perasmian Timbalan Ketua Setiausaha, persembahan video dan penyampaian anugerah.

Seramai enam belas (16) orang penerima APC tahun 2010 yang terdiri daripada tujuh (7) orang kumpulan pengurusan dan profesional, sembilan (9) orang kumpulan sokongan I dan sokongan II, empat (4) orang penerima Anugerah Pengarah MKM serta enam belas (16) orang penerima Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa. Nama-nama penerima seperti berikut :

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

1. Puan Noranita binti Mohd Nor
2. Puan Ayu Diana binti Awang
3. Encik Hasrin bin Abu Hassan
4. Puan Nor Aslamiah binti Ali
5. Encik Yusman bin Yacob
6. Puan Rafedah binti Juhan
7. Encik Khairul Azmi bin Ismail
8. Puan Sh. Norashikin binti Syed Mohd Idris
9. Puan Nor Azmawati binti Hj. Mohd Shafii
10. Encik Abd. Rahman bin Hassan Nordin
11. Encik Amiruddin bin Muhamad Salim
12. Encik Norle bin Abdul Rahman
13. Encik Azizul bin Aziz
14. Cik Zaileha binti Hj. Muhamad Nor
15. Encik Mohd Hanapi bin Pandak Ahmad
16. Encik Mazlan bin Mohamad Jasin

- Pegawai Latihan Gred E41
- Pegawai Latihan Gred E41
- Pegawai Latihan Gred E41
- Pegawai Latihan Gred E41
- Pegawai Latihan Gred E41
- Pegawai Latihan Gred E41
- Juruaudit Gred W41
- Penolong Pegawai Tek. Mak. Gred F29
- Penolong Akauntan Gred W27
- Juruteknik Gred J22 (KUP)
- Penyelia Asrama Gred N17
- Pembantu Penerbitan Gred N17
- Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 (KUP)
- Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 (KUP)
- Pemandu Kenderaan Gred R3
- Tukang Masak Gred N1

## Anugerah Pengarah

1. Encik Ahmad Faizal bin Ahmad Shaarani
2. Encik Muhammad Yusuf bin Ibrahim
3. Encik Suhazli bin Saari
4. Encik Mohd Irwan bin Abdul Malik

- Pegawai Latihan Gred E4
- Pegawai Latihan Gred E41
- Penolong Juruaudit Gred W32
- Pemandu Kenderaan Gred R3

## Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa - 30 Tahun (1980)

1. Encik Razali bin Yusoff
2. Encik Abd Rahman bin Hassan Nordin
3. Encik Abdul Halim bin Japar

- Penolong Pegawai Tadbir Gred N2
- Juruteknik Gred J22 (KUP)
- Pembantu Am Pejabat Gred N4 (KUP)



Ucapan perasmian oleh YB. Dato' Daud Tahir  
Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK



**Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa - 25 Tahun (1985)**

1. Dr. Hajah Jamilah binti Din
2. Tuan Haji Hassan bin Haji Ahmad
3. Puan Rahimah binti Abd. Samad
4. Puan Ruzilah binti Abd. Malek
5. Encik Amiruddin bin Muhamad Salim
6. Puan Zaiton binti Mustapa
7. Puan Hasnah Laili binti Mutasar
8. Puan Misni binti Aman
9. Puan Khadijah binti Abdullah
10. Puan Mashitah binti Baharudin
11. Encik Anuar bin Shamsuddin

- Pegawai Latihan Gred E52
- Pegawai Latihan Gred E48
- Pegawai Latihan Gred E44
- Pegawai Latihan Gred E44
- Penyelia Asrama Gred N17
- Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
- Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 (KUP)
- Tukang Masak Gred N17 (KUP)
- Tukang Masak Gred N17 (KUP)
- Tukang Masak Gred N17 (KUP)
- Pembantu Am Pejabat Gred N4 (KUP)

**Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa - 20 Tahun (1990)**

1. Puan Najmah binti Nawawi

Pegawai Latihan Gred E48

**Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa - 15 Tahun (1995)**

1. Puan Rosidah binti Rashid

Pegawai Latihan Gred E41

Inti pati ucapan daripada Timbalan Ketua Setiausaha antaranya mengingatkan bahawa pengiktirafan yang diberikan itu perlu dijadikan sebagai suatu sandaran dan amanah yang mesti dipikul agar para penerima anugerah akan terus menunjukkan kecemerlangan sepanjang kerjayanya. Seterusnya menjadi rangsangan dan pembakar semangat kepada seluruh warga kerja lain untuk berusaha gigih dalam persekitaran persaingan yang sihat demi kecemerlangan MKM.

Kesinambungan daripada ucapan tersebut, beliau turut berkongsi saranan YAB Perdana Menteri dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPP) Ke-11 iaitu sebagai satu pentadbiran bersifat objektif, jelas dan berhala tuju, kerajaan telah menukulkan empat Tiang Utama: Pertama, falsafah 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan; Kedua, Program Transformasi Kerajaan, ke tiga, Model Baru Ekonomi serta ke-empat Rancangan Malaysia ke-10. Dalam usaha menyangga empat tiang utama ini, perlu di dokong pula oleh empat nilai asas pelengkap iaitu ;

- Membudayakan kreativiti dan inovasi
- Mementingkan kepantasan bertindak dan membuat keputusan
- Nilai untuk wang atau “value for money”
- Nilai Integriti

Di akhir ucapannya beliau mengingatkan agar semua kakitangan perkhidmatan awam sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian dari masa ke

semasa. Enam isu yang boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam iaitu salah guna kuasa, kelewatan, kegagalan penguatkuasaan, kegagalan perkhidmatan kaunter, kegagalan mengikut prosedur dan tidak responsif adalah perkara yang mesti dielakkan oleh kakitangan awam. *-Hamidah-*



Penerima anugerah pengarah



Penerima anugerah perkhidmatan cemerlang



Penerima anugerah Khidmat setia & berjasa

# PROGRAM MOTIVASI 3E bersama Dr. Tuah Iskandar

Seramai 30 orang Pegawai Kumpulan A MKM merasa amat bertuah apabila terpilih untuk menghadiri Program Motivasi Prinsip 3E yang telah berlangsung pada 28 – 30 Disember 2010. Program motivasi ini dikendalikan sepenuhnya oleh Dr. HM Tuah Iskandar dari Three Extra Training and Solution dan dilaksanakan dengan jayanya disebuah hotel terkemuka di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Program Motivasi 3E merupakan program yang menggabungkan antara teori dan praktikal. Objektif program adalah untuk mencabar peserta untuk belajar, berubah dan “breakthrough” melalui latihan secara teori dan praktikal. Secara keseluruhannya peserta amat berpuas hati dengan latihan yang telah mereka lalui, bukan sahaja dapat membuka minda untuk berfikiran positif tetapi juga dapat meningkatkan motivasi mereka untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk MKM dan gerakan koperasi.

Diharapkan program ini dapat mentransformasi dan membolehkan peserta untuk terus berusaha dalam mencapai matlamat individu dan organisasi.

~Rahimah~



Bekerjasama tetap diamalkan dimana-mana



Gembira sepanjang latihan



Senaman penting untuk kecergasan



Peserta sangat berpuas hati dengan Program 3E

# KOLOKIU LATIHAN KOPERASI 2011



Tuan Haji Idris Ismail  
memberi ucapan  
perasmian



Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) selaku pusat latihan dan pendidikan koperasi di negara ini sentiasa mengutamakan aspek pembangunan modal insan dalam kalangan Pegawai Latihannya. Peluang yang diberikan kepada Pegawai Latihan MKM untuk mengikuti program sangkutan di koperasi dalam dan luar negara yang berjaya serta terbaik menjadi satu platform kepada Pegawai Latihan MKM untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan pengalaman.

Penglibatan Pegawai Latihan MKM bukan hanya sekadar mengikuti program sangkutan ini sahaja. Bahkan semua Pegawai Latihan yang terlibat akan berkongsi pengalaman dan maklumat hasil daripada program sangkutan di koperasi dalam dan luar negara yang berjaya serta terbaik. Medium perantara yang begitu sinonim dengan pengisian program akademik ini adalah menerusi kolokium. Program kolokium ini yang saban tahunnya menjadi antara agenda penting kepada Pegawai Latihan MKM.

(Rabu dan Khamis) yang bertempat di Holiday Inn Glenmarie Shah Alam, Selangor. Seramai lebih kurang 120 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai MKM, Ahli Majlis MKM, Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Pegawai Pelajaran ANGKASA, Pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pensyarah-pensyarah universiti tempatan dan wakil koperasi turut hadir untuk menjayakan program kolokium pada kali ini. *-Norhazilina-*

Justeru, pada tahun ini program Kolokium Latihan Koperasi 2011 telah berlangsung pada 18 dan 19 Mei 2011

Antara tetamu terhormat  
yang hadir



# SEMINAR PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN KOPERASI BELA RAKYAT (KOBERA) SABAH

Pada 3 hingga 4 Disember 2010 bertempat di Hotel Tang Dynasty, Kota Kinabalu Sabah telah berlangsung Seminar Peluang-peluang Perniagaan KOBERA Sabah anjuran bersama Maktab Kerjasama Malaysia Cawangan Sabah dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sabah. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Musbah bin Hj. Jamli, Pembantu Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang mewakili YBhg. Datuk Seri Panglima Hj. Yahya bin Husin, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Seminar ini diadakan khusus untuk Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) yang ditubuhkan di negeri Sabah. Seramai 140 orang anggota peserta yang terdiri daripada 18 KOBERA dari seluruh Sabah hadir pada seminar kali ini. Seminar ini turut dihadiri oleh Yang

Berusaha Tn. Hj. Idris bin Ismail, Pengarah MKM, yang turut menyampaikan ucapan aluan pada majlis tersebut. Objektif utama seminar ini dianjurkan adalah untuk memberi peluang kepada koperasi khususnya KOBERA untuk mendapat kefahaman dan pengetahuan dalam mentadbir koperasi dengan baik selain memberi peluang untuk mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi koperasi.

Seramai empat orang pembentang kertas seminar dan sebuah forum dengan tiga orang panel telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja mereka. Pembentang pertama En. Matias Kundapin yang juga merupakan Timbalan Pengarah (Pembangunan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sabah telah membentang kertas kerja bertajuk "Tujuan Penubuhan KOBERA". Pembentang menjelaskan maksud KOBERA, objektif dan tujuan penubuhan KOBERA serta fungsinya. Antara isi kandungannya, KOBERA ditubuhkan untuk membela nasib rakyat dengan menyokong aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh rakyat melalui latihan, pemantauan prestasi koperasi dan menyediakan peluang-peluang perniagaan yang berpotensi untuk maju kepada KOBERA.

Pembentang kedua, En. Christopher John Baptist, Pegawai Latihan Maktab Kerjasama Malaysia Cawangan Sabah membentangkan kertas kerja bertajuk "Pemantapan Tadbir Urus Koperasi" banyak mengupas permasalahan yang timbul dalam mengendalikan pengurusan koperasi. Pembentang yang terkenal dengan gaya dan vokal bersahaja dalam menyampaikan pembentangnya berjaya menarik perhatian para peserta selain menerima pertanyaan



Upacara penyampaian cendera kenangan daripada Tn. Hj. Idris Ismail (kanan) kepada Y.B Datuk Musbah Hj. Jamli (kiri)



Barisan Pembentang

berkaitan dengan masalah yang timbul di dalam koperasi masing-masing.

Pembentang ketiga disampaikan oleh En. Zainuddin Mohamed, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sabah membentangkan kertas kerja bertajuk "Tabung Modal Pusingan". Pembentang banyak memberi input kepada para anggota KOBERA untuk lebih memahami dengan isu-isu pemberian geran berbentuk wang tunai dan subsidi selain menyentuh cara-cara untuk mendapatkan pinjaman daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Tabung Modal Pusingan.

Seminar diteruskan dengan perkongsian pengalaman bersama Koperasi Perkembangan Tanah Sungei Kelayak Berhad. Disampaikan oleh pengerusinya sendiri iaitu Tn. Haji Mohd. Helmi, banyak menceritakan mengenai kisah-kisah koperasinya sendiri untuk dijadikan panduan dan motivasi kepada para peserta. Bagi sesi forum,

antara panel yang telah dijemput khas adalah dari Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Veterinar Sabah dan MARDI Sabah. Forum yang lebih menjurus peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi berjaya menarik perhatian para peserta untuk mengetahui lebih lanjut dan cara pelaksanaan perniagaan terbabit.

Secara keseluruhannya, seminar ini berlangsung dengan jayanya dengan penglibatan para peserta KOBERA yang bersungguh-sungguh memberikan sepenuh komitmen. Adalah diharapkan kerjasama antara Maktab Kerjasama Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan diteruskan dalam memastikan koperasi KOBERA mampu untuk lebih berdaya maju. *~Ridzuan~*



Peserta yang hadir



sesi soal jawab

## Pelancaran Buku Gerakan Koperasi Negeri Sarawak



buku laporan gerakan koperasi di Negeri Sarawak serta temubual dengan mereka yang terlibat secara langsung dengan gerakan Koperasi di Negeri Sarawak. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dr Abdul Rahman Junaidi, Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak N 5 Santubong sempena majlis Bicara Eksekutif anjuran Maktab Kerjasama Malaysia Sarawak di Hotel Hilton Kuching.

Buku tersebut dihasilkan dengan harapan dapat menjadi bahan rujukan bagaimana gerakan koperasi di negeri Sarawak yang bermula pada zaman Rajah Charles Vyner Brooke pada tahun 1939 sehingga tahun 2007 yang telah melalui berbagai halangan untuk berjaya. Secara ringkasnya buku ini menggambarkan bagaimana gerakan koperasi bermula, kawasan-kawasan dimana berkembang dan terbentuknya koperasi yang ditubuhkan. Kawasan negeri Sarawak amat luas tanpa kemudahan infrastruktur pada tahun 40an sehingga 60an. Namun, koperasi tumbuh seperti cendawan di kawasan pendalaman seperti Kuching, Mukah, Kanowit, Saribas dan beberapa tempat yang lain. Salah satu matlamat awal penubuhan koperasi adalah untuk menangani masalah bebanan hutang dikalangan petani dan kakitangan kerajaan seperti juga di negara-negara yang lain.

Walaupun tahap pendidikan yang rendah dikalangan anggotanya namun koperasi-koperasi di pendalaman masih mampu menjalankan aktiviti-aktivitinya. Aktiviti koperasi yang dijalankan pada awal penubuhan adalah berdasarkan aktiviti harian penduduk setempat. Sebagai contoh koperasi yang pertama ditubuhkan adalah di Oya-Dalat, aktiviti harian penduduk setempat adalah memproses sago untuk kegunaan harian atau untuk dijual. Penduduk dikawasan ini memerlukan mesin mengisar sago agar kerja-kerja mereka lebih mudah dan pengeluarannya lebih banyak. Maka dengan itu tertubuhlah Koperasi memproses Sagu di kawasan Oya-Dalat. Begitu juga bagaimana tubuhnya koperasi mengisar padi di kawasan Saribas dan Pantu. Penduduk di kawasan tersebut memerlukan mesin mengisar padi kerana penduduk setempat menjalankan

Pelancaran buku "Sejarah Gerakan Koperasi Negeri Sarawak" merupakan

hasil tulisan Encik Ngadi Bin Robin, Pegawai Latihan MKM Sarawak. Buku tersebut dihasilkan berdasar pengalamanan penulis semasa bertugas di Jabatan pembangunan Koperasi Negeri Sarawak, buku-

aktiviti harian menanam padi secara kecil-kecilan. Tidak semua petani ini mampu untuk memiliki mesin mengisar padi secara persendirian, maka tertubuhlah koperasi mengisar padi dikawasan tersebut, Selain daripada itu terdapat juga koperasi yang menjalankan aktiviti mengisar padi dimana pada siang hari mesin digunakan untuk mengisar padi dan pada sebelah malamnya enjin mengisar padi digunakan untuk membekalkan tenaga elektrik kepada penduduk di rumah panjang.

Sebuah koperasi di kawasan Kanowit pula telah di usahakan oleh Gereja Katolik sehingga mampu mendirikan rumah tumpangan di Kuching dimana ianya dapat memenuhi keperluan anggota-anggota apabila berada di Kuching.

Terdapat koperasi yang menjalankan aktiviti berjimat cermat dan simpanan dan anggota-anggotanya benar-benar menyimpan wang tanpa mengeluarkannya atau membuat pinjaman. Wang yang mereka simpan dimasukkan kedalam simpanan di Pejabat Pos dengan harapan mendapat faedah daripada wang yang mereka simpan. Wang tersebut hanya akan dikeluarkan jika mereka benar-benar memerlukan untuk saat-saat genting.

Oleh kerana kawasan-kawasan tepi sungai, anak-anak sungai dan kawasan pendalaman mempunyai penduduk yang ramai, maka, koperasi di negeri Sarawak kebanyakannya bermula di kawasan pendalaman. Koperasi benar-benar memenuhi keperluan penduduk setempat, kedai-kedairuncit membekalkan hampir semua keperluan harian penduduk sehingga mampu bersaing dengan peniaga dari luar kampung.

Selain koperasi-koperasi untuk orang dewasa, penubuhan koperasi di sekolah juga dilaksanakan. Dengan keadaan ekonomi yang malap dan sukar mendapatkan modal koperasi telah berusaha sendiri untuk menjana pendapatan, sebagai contoh sebuah Sekolah Rendah di kawasan Debak telah mencari modal koperasi mereka dengan mengadakan pertunjukkan pentas, wang kutipan yang diperolehi diagihkan sama rata kepada pelajar yang terbabit. Wang selebihnya digunakan untuk membeli anak itik untuk dipelihara dan telur itik dijual untuk menambah ekonomi anggota-anggotanya.

Bagi memantapkan lagi gerakan koperasi di negeri Sarawak, Jawatankuasa Penyelaras Gerakan Koperasi negeri Sarawak telah ditubuhkan dalam tahun 90an bermatlamat untuk mengkoordinasikan koperasi-koperasi di Sarawak. Jawatankuasa Penyelaras Koperasi Wanita di negeri Sarawak pula ditubuhkan untuk membantu koperasi-koperasi wanita. Bagi koperasi-koperasi sekolah ditubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Koperasi Sekolah dengan usaha Jabatan Pendidikan Negeri dan koperasi-koperasi sekolah yang terbabit.

Coretan ringkas sejarah gerakan koperasi di negeri Sarawak ini diharapkan akan memberi motivasi kepada koperasi yang ada masa kini agar menggunakan semua kemudahan yang ada untuk menambahbaik aktiviti koperasi bagi menjana ekonomi yang baik kepada anggota-anggotanya. ~Ngadi Bin Robin~

# TAKLIMAT SEMPENA PROMOSI PROGRAM LATIHAN MKM CAWANGAN SABAH TAHUN 2011

Promosi Program Latihan MKM Cawangan Sabah sepanjang tahun 2011 telah berlangsung dengan jayanya di 13 buah lokasi terpilih sepanjang bulan Januari. Seramai 682 peserta yang terdiri daripada anggota koperasi telah menghadiri program tersebut dan melibatkan anggaran sebanyak 237 buah koperasi di seluruh Sabah.

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk:-

1. Mempromosikan program-program latihan yang ditawarkan dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh MKM;
2. Menggalakkan lebih ramai penyertaan pemimpin dan anggota koperasi untuk mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan;
3. Memberi pendedahan kepada koperator berkenaan dengan fungsi dan peranan MKM.

Program dimulakan dengan menerangkan peranan MKM dan program-program yang ditawarkan oleh MKM Cawangan Sabah serta program jangka panjang MKM induk sepanjang tahun 2011. Program diteruskan dengan sesi taklimat berkenaan dengan pendidikan berkoperasi oleh Pegawai Latihan MKM.

Taklimat Promosi Program Latihan bagi wilayah Kota Kinabalu telah diadakan bersekali dengan program Bicara Eksekutif "Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011 – 2020" dan telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Idris bin Ismail, Pengarah Maktab Kerjasama Malaysia. Bersempena dengan Bicara Eksekutif tersebut, satu kertas kerja iaitu Pengenalan Kepada Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011 – 2020 telah dibentangkan oleh panel jemputan iaitu Pn. Malisah Sinin, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Beaufort. Program tersebut telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan jumlah penyertaan seramai 150 orang daripada kalangan ALK dan anggota-anggota koperasi sekitar wilayah Kota Kinabalu.

Taklimat Program Latihan MKM 2011 diakhiri dengan membuka peluang kepada para koperator yang hadir untuk memberikan cadangan, komen serta mengemukakan soalan. Dengan cadangan, komen dan pertanyaan tersebut diharap dapat membantu MKM khususnya cawangan Sabah dalam memperbaiki program latihan dan perkhidmatan yang diberikan dari semasa ke semasa. ~Shamsiah~



Tn. Hj Idris Ismail ketika meyampaikan ucapan perasmian



Para peserta tekun mendengar taklimat



Antara peserta yang hadir

## Karnival dan Ekspo Koperasi PERINGKAT NEGERI PAHANG 2011

Kakitangan MKM Wilayah Timur melayan koperator yang hadir.



**K**arnival Dan Ekspo Koperasi Peringkat Negeri Pahang ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Haji Ishak bin Haji Muhamad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri pada 30 April 2011 di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan

Dato' Haji Ishak bin Haji Muhamad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Pahang menyampaikan sijil penyertaan kepada MKM Wilayah Timur.

Pahang. Acara ini telah berlangsung selama 3 hari bermula daripada tarikh 29 April - 1 Mei 2011. Program ini merupakan program anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Pahang. Karnival dan Ekspo Koperasi ini julung-julung kali telah diadakan di negeri Pahang dan telah dikunjungi oleh orang-orang tempatan yang terdiri daripada orang awam, anggota koperasi serta pelajar lepasan SPM dan Diploma yang mencari peluang untuk melanjutkan pelajaran.

Objektif karnival ini diadakan untuk mempromosikan koperasi dan produk koperasi kepada masyarakat, selain dapat meningkatkan kerjasama dan mewujudkan rangkaian perniagaan antara koperasi serta memberi pendedahan kepada masyarakat tentang aktiviti-aktiviti koperasi. Pelbagai produk termasuklah batik, produk kecantikan, makanan dan banyak lagi telah dijual. Aktiviti seumpama ini dapat memberi pendedahan kepada orang ramai tentang produk-produk koperasi yang kebanyakan terdiri daripada orang-orang bumiputera yang telah lama berada di pasaran. Selain gerai jualan koperasi, agensi di bawah KPDKK seperti SKM, PNS, Bank Rakyat, dan Bank Persatuan juga turut serta bagi menjayakan program ini. *-Siti Norbaeyah-*

**E**volusi teknologi semakin terasa sejak kemunculan internet lagi-lagi ia menjadi keperluan dalam hidup seharian seperti komputer dan telefon bimbit. Umumnya masyarakat didedahkan dengan emel, sistem khidmat pesanan ringkas (sms), website, mobilesite hinggalah ke pemasaran dalam laman sosial. Media yang digunakan juga seperti video, VCD, DVD dan banyak lagi.

Seiring dengan dunia digital yang semakin berkembang dalam masyarakat Malaysia, MKM telah mengambil inisiatif menganjurkan program Bicara Eksekutif yang diadakan khas untuk warga koperasi khususnya bagi koperator di wilayah timur. Bertempat di Holiday Villa Beach Resort & Spa, Cherating, Pahang pada 19 Mei 2011, seorang penceramah yang berpengetahuan luas, telah dijemput untuk mencurahkan ilmu dan pengalaman beliau dalam program ini melalui tajuk "Rahsia Kejayaan Pemasaran Melalui Internet". Penceramah yang dimaksudkan ialah En. Azli Paat, Pengarah ADA Vista Sdn. Bhd yang terkenal sebagai penceramah dalam bidang teknologi maklumat(IT) yang mempunyai slotnya sendiri diRadio KL.fm dan beberapa stesen radio lain di Malaysia. Seramai lebih kurang 170 orang warga koperator yang terdiri daripada Anggota Lembaga, Kakitangan

## Bicara Eksekutif: RAHSIA KEJAYAAN PEMASARAN MELALUI INTERNET

serta pegawai-pegawai agensi yang menyelia koperasi telah menghadiri program Bicara Eksekutif ini.

Antara tetamu jemputan yang hadir menyeronokkan majlis.



Para koperator yang hadir khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan





# PAMERAN MKM WILAYAH TIMUR Sempena Karnival Jelajah 1Malaysia

Kakitangan MKM Wilayah Timur memberikan penerangan kepada pengunjung yang hadir.

Pada 11 dan 12 Mac 2011, MKM Wilayah Timur telah menyertai pameran di Pekan, Pahang. Pameran yang berlangsung selama 2 hari ini diadakan bersempena dengan Karnival Jelajah 1Malaysia. Pada pameran kali ini, MKM Wilayah Timur telah membuka "booth" untuk kemudahan koperator-koperator yang hadir mengajukan pertanyaan berkaitan latihan dan pendidikan yang disediakan di MKM. Selain dari itu, kaunter juga disediakan sebagai medium untuk koperator menyalurkan pertanyaan berkaitan kursus-kursus jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang ditawarkan dan sebarang cadangan bagi penambahbaikan juga diterima. Selain itu juga Karnival Jelajah 1Malaysia ini diadakan untuk memberi peluang kepada para pengunjung dan koperator memperolehi maklumat-maklumat khususnya bagi mereka yang berminat untuk berkursus di MKM.

Tujuan karnival ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada agensi-agensi kerajaan memberikan perkhidmatan secara terus kepada masyarakat setempat melalui aktiviti pameran dan perkhidmatan kaunter. Program ini telah berjaya menarik seramai 150 orang pengunjung yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Pelbagai acara menarik turut diadakan sepanjang program ini berlangsung, antaranya ialah Pertandingan Karaoke Patriotik 1Malaysia, Bola Sepak Jalanan, Persembahan Pentarama, sesi bersama artis dan sebagainya.

Jelajah 1Malaysia pertama telah bermula pada tahun 2010 dan perlumbaan telah merangkumi Utara Semenanjung. Perlumbaan tersebut telah bermula dari Selangor ke Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dalam 5 peringkat. Laluan perlumbaan tahun ini akan meliputi kawasan Selatan Semenanjung bermula dari Johor menuju ke Pahang dan negeri Sembilan dalam 6 peringkat. Lokasi-lokasi ini dipilih kerana menjadi venue pelepasan dan penamat bagi perlumbaan Jelajah 1Malaysia. Pengunjung yang hadir berpeluang menyaksikan sendiri perlumbaan berbasikal Jelajah 1Malaysia yang disertai bukan sahaja oleh pelumba-pelumba tempatan tetapi juga pelumba profesional dari luar negara. Selain pelumba tempatan, seramai 180 pelumba dari 45 pasukan dari negara luar turut mengambil bahagian. ~Maryam Hamidah~

YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak Abdul Razak melepaskan peserta berbasikal Jelajah 1Malaysia





## Laporan:

# Program Bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Encik Muhamad bin Yusof, Pegawai Latihan MKM Wilayah Timur memberikan taklimat berkaitan MKM

Gerakan Pengguna Negeri Pahang dengan kerjasama Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Pahang telah menganjurkan Program Bersama KPDNKK. Program ini juga turut melibatkan semua agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) Wilayah Timur, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Bank Rakyat untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Program ini telah diadakan pada 16 Januari 2011 di Dataran Kerayong, Bera Pahang yang juga telah dirasmikan oleh Dato Sri' Ismail Sabri bin Yaakub selaku Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Program Bersama KPDNKK ini diadakan untuk memperkenalkan KPDNKK serta agensi dibawahnya kepada masyarakat setempat yang secara tidak langsung telah membuka peluang terutamanya kepada MKM Wilayah Timur untuk memperkenalkan MKM Wilayah Timur kepada orang awam. Program yang berlangsung selama sehari ini telah mendapat



sambutan daripada masyarakat setempat yang turut hadir bagi memeriahkan lagi program ini. Selain pameran daripada agensi-agensinya di bawah KPDNKK, aktiviti-aktiviti lain yang turut dijalankan seperti mencari harta karun, karaoke dan cabutan bertuah.

Program sebegini secara tidak langsung dapat mendekatkan KPDNKK dan agensi-agensinya di bawahnya kepada orang ramai dan memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mengenali dengan lebih dekat lagi agensi-agensinya di bawahnya selain dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara penjawat awam dan juga masyarakat setempat seperti masyarakat orang asli. *-Siti Norbaeyah-*



## Bicara Eksekutif “INDUSTRI AGRO PELANCONGAN: POTENSI DAN PELUANG KEPADA KOPERASI”

En.Azini bin Paiman  
(Koperasi Gunung Datuk  
Bhd), En.Safaai bin Said  
(Moderator) dan Cik  
Shafina binti Adnan

Maktab Kerjasama Malaysia, Wilayah Utara sekali lagi telah menganjurkan program Bicara Eksekutif bagi tahun 2011. Sebagai pembuka tirai, pada 22 Februari 2011 yang lalu telah berlangsungnya satu program Bicara Eksekutif anjuran MKM Wilayah Utara di Star City Hotel, Alor Setar, Kedah. Tema bagi Bicara Eksekutif kali ini adalah “Industri Agro Pelancongan: Potensi dan Peluang kepada Koperasi”. Pemilihan tema ini adalah untuk memberi pendedahan dan berkongsi pengalaman mengenai peluang perniagaan baru dalam agro pelancongan kepada koperasi. Seramai 176 peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada koperator-koperator di sekitar negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis termasuk pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari Pulau Pinang dan Kedah. Perasmian program Bicara Eksekutif ini telah disempurnakan oleh wakil Pengarah Maktab Kerjasama Malaysia Petaling Jaya iaitu Encik Mohd Safaai bin Said, Ketua Pusat Pentadbiran, Perundangan dan Kepimpinan Koperasi.

Bagi mengupas tajuk Bicara Eksekutif ini, Maktab Kerjasama Malaysia Wilayah Utara (MKMWU) telah

menjemput dua (2) orang penceramah dari Kementerian Pelancongan Negeri Kedah dan Koperasi Gunung Datuk Rembau Berhad, Negeri Sembilan. Pembentang kertas kerja pertama dimulai dengan Cik Shafina binti Adnan dari bahagian Unit Pelesenan, Kementerian Pelancongan Negeri Kedah yang menerangkan mengenai dasar dan peraturan dalam penubuhan homestay serta peranan kementerian dalam industri pelancongan. Beliau memaklumkan pihak kementerian amat menggalakkan sektor koperasi menceburi bidang pelancongan kerana ia dapat membuka peluang baru kepada koperasi sekaligus menyumbang pendapatan dan pertumbuhan ekonomi khususnya industri pelancongan. Pembentang kertas kerja ke dua pula ialah Encik Azimi bin Paiman mewakili dari Koperasi Gunung Datuk Rembau Berhad, Negeri Sembilan bagi sesi berkongsi pengalaman. Pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau dan maklumat berinformasi dalam agro pelancongan telah memberi panduan kepada koperasi yang akan mengusahakan program ini pada masa akan datang. Penerangan beliau yang bersahaja dalam loghat negeri Sembilan telah memukau para koperator yang berada di dalam dewan tersebut. Satu tayangan video yang menarik mengenai aktiviti pendakian Gunung Datuk dan Program Homestay Kg. Batang Nyamor telah ditayangkan kepada koperator di akhir pembentangan kertas kerja tersebut. Moderator sesi pula adalah Encik Mohd Safaai bin Said yang telah berjaya mengendalikan Bicara Eksekutif ini dengan lancar dan menarik. Di akhir program ini, pelbagai persoalan telah dikemukakan oleh koperator dalam sesi soal jawab.

Secara keseluruhannya pemilihan tema kali ini memberi manfaat kepada koperasi dan bertepatan dengan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 dalam Teras Strategik 1 iaitu “Merangsang Penglibatan Koperasi Dalam Sektor Ekonomi Bernilai Tinggi”. Teras strategik ini dibentuk bagi mencapai matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Ini merupakan cabaran utama yang perlu di dokong bersama oleh gerakan koperasi termasuklah memberi tumpuan sepenuhnya kepada sektor pelancongan untuk dikembangkan.



Salah seorang peserta mengajukan soalan kepada pembentang kertas kerja



Kehadiran peserta di dalam dewan Star City Hotel, Alor Setar

# PROGRAM BAKTI SISWA MKM-UUM 2011

Program Bakti Siswa MKM-UUM 2011 (BAKSIS) telah berjaya dilaksanakan dan seterusnya mencapai objektif seperti yang dirancang. BAKSIS telah diadakan di Felda Pasir Besar, Gemas, Negeri Sembilan pada 25 hingga 27 Februari 2011 bersamaan 20 hingga 22 RabiulAwal 1432 Hijrah. BAKSIS yang bertemakan "Generasi Berbakti Pemangkin Kesejahteraan Negara" telah dianjurkan oleh 76 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang turut diiringi oleh tiga (3) orang pegawai MKM. BAKSIS telah mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Kampung dan Keselamatan (JKKK), UMNO cawangan Felda Pasir Besar, Sekolah Menengah Felda Pasir Besar dan penduduk-penduduk di kawasan berkenaan.



aktiviti berkumpulan

Objektif BAKSIS adalah menjalinkan hubungan silaturahim antara pelajar-pelajar dengan penduduk kampung selain daripada memberi pendedahan tentang kehidupan seharian masyarakat di kawasan berkenaan. Malah, BAKSIS juga dapat memanfaatkan segala aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti yang dirancang. Ia juga memberi peluang kepada masyarakat kawasan berkenaan dalam mengenali MKM secara lebih mendalam.

Antara program yang dijalankan ialah:

- Program "Motivasi dan Halatuju Kerjaya" yang disertai oleh pelajar-pelajar yang telah mendapat PNGK 3.0 dan ke atas dan 50 orang pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Pasir Besar yang terdiri antara umur 15 hingga 17 tahun. Aktiviti



persembahan tarian zapin

ini telah mendapat bantuan daripada bahagian kaunseling sekolah. Tujuan aktiviti ini adalah untuk memberi motivasi dan semangat kepada pelajar sekolah dalam menghadapi peperiksaan seperti PMR dan SPM akan datang. Malah, aktiviti ini juga adalah platform terbaik kepada pelajar-pelajar MKM-UUM dalam memberi pendedahan tentang MKM.

- Aktiviti gotong-royong. Aktiviti ini dipecahkan kepada 4 bahagian iaitu pembersihan masjid, sekolah agama rakyat, perpustakaan serta koperasi dan kawasan sekitar balai raya dan gotong-royong memasak (merewang) yang turut disertai penduduk kampung. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membina hubungan silaturahim antara pelajar dan penduduk kampung di samping mengenali masakan tradisional masyarakat (gulai lemak cili api).
- Pertandingan sukaneka. Antaranya pertandingan futsal, bola jaring, makan epal dan bowling padang (khas untuk kanak-kanak) dan acara kemuncaknya ialah pertandingan tarik tali. Pelbagai aksi lucu dan mencuit hati ditonjolkan sepanjang sukaneka dijalankan. *-Ayu Diana-*



acara tarik tali

# AKTIVITI KUMPULAN SENI BUDAYA

Sepanjang Januari sehingga April 2011, Kumpulan Seni Budaya (KSB) telah menjalankan dua aktiviti iaitu Program Masih Ada Yang Sayang dengan kerjasama daripada Rumah Sinar Salam. Program amal ini bertujuan memupuk rasa sayang para pelajar kepada masyarakat yang memerlukan bantuan melalui sumbangan makanan serta menyelami kehidupan golongan yang memerlukan perlindungan serta berpendapatan rendah. Mereka telah dihiburkan dengan muzik yang dipersembahkan oleh ahli KSB.

Aktiviti kedua diadakan pada bulan April 2011 iaitu Malam Inspirasi Budaya bersempena Konvokesyen ke 15 MKM. Pelbagai acara telah dilaksanakan seperti pertandingan



Pertandingan nasyid

nasyid, pertandingan pantun, dan permainan Anda Ada 60 Saat. Sambutan daripada pelajar MKM amat memberangsangkan kerana setiap semester, pelajar akan menghantar wakil bagi setiap pertandingan. Kemuncak program tersebut, telah diadakan Malam Inspirasi Budaya sebagai meraikan graduan-graduan MKM yang hadir. Tetamu undangan yang hadir pada malam tersebut ialah Norwatim Bt Hj. Abd Latiff, Ketua Pusat Antarabangsa, Pn. Rafidah wakil daripada Rumah Sinar Salam dan En. Mohd Khairul B. Kamarulzaman, wakil daripada Cure & Care Services Centre. Malam tersebut diserikan lagi dengan persembahan Kumpulan Seni Budaya yang terdiri daripada nasyid, dikir barat, tarian dan kompang.



Ahli-ahli KSB membuat persembahan



Persembahan nyanyian dari wakil pelajar



Pertandingan tarian yang diadakan

# KURSUS JANGKA PENDEK

## MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA

### (Pusat dan Wilayah)

#### PUSAT PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

**IDB 706 – KEUSAHAWANAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIHKAN BANGUNAN**  
19 – 22 September 2011 (4 hari)

##### OBJEKTIF KURSUS

- Memberikan pendedahan asas tentang peluang perniagaan dalam perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan.
- Memberikan pendedahan asas mengenai teknik mencuci dan membersihkan bangunan.
- Memberikan gambaran status industri dan aspek ekonomi perniagaan dalam perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan.

##### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi
- Anggota Jawatankuasa Kecil Projek

**IDB 642 – MENGUASAI PERUNDINGAN DALAM PERNIAGAAN**  
31 Oktober – 2 November 2011 (3 hari)

##### OBJEKTIF KURSUS

- Memahami asas-asas dalam sistem perundingan.
- Memahami elemen-elemen penting dalam sistem perundingan.
- Meningkatkan kemahiran dan teknik perundingan berkesan.

##### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Pengurus Koperasi
- Kakitangan Kanan Koperasi

**IDB 243 – TRANSFORMASI PERNIAGAAN KOPERASI**  
21 – 25 November 2011 (5 hari)

##### OBJEKTIF KURSUS

- Mengetahui langkah-langkah bagi memperbaiki hala tuju, struktur, strategi dan proses perniagaan koperasi.
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sumber dalaman dan faktor luaran bagi menilai kemungkinan (feasibility) untuk menjalankan suatu program transformasi perniagaan.

##### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Juruaudit Dalaman Koperasi
- Pegawai Kanan Koperasi
- Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi

**IDB 707 – KEUSAHAWANAN DALAM BIDANG PERTANIAN PENAMAAN CILI SECARA KOMERSIAL**  
29 November – 2 Disember 2011 (4 hari)

##### OBJEKTIF KURSUS

- Memberikan pendedahan asas tentang penanaman cili secara komersial.
- Memberikan pendedahan asas mengenai teknik pengeluaran cili.
- Memberikan gambaran status industri dan aspek ekonomi tanaman cili.

##### SASARAN PESERTA

- Keutamaan penyertaan kepada Koperasi Fungsi Pertanian dan Perladangan yang sedang atau akan menceburi bidang pertanian cili.

# PUSAT PENTADBIRAN PERUNDANGAN DAN KEPIMPINAN KOPERASI

## IDC 321 – PERUNDANGAN KOPERASI DAN APLIKASI 3 – 5 Oktober 2011 (3 hari)

### OBJEKTIF KURSUS

- Untuk membolehkan peserta memahami dan mentafsir peruntukan perundangan koperasi dengan berkesan dalam pengurusan koperasi.

### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- Kakitangan Kanan Koperasi
- Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi
- Anggota Koperasi

## KEM 901– KEM PEMANTAPAN KEPIMPINAN KOPERASI 18 – 20 Oktober 2011 (3 hari 2 malam)

### OBJEKTIF KURSUS

- Untuk memberi kefahaman dan pendedahan tentang konsep kepimpinan dalam pasukan dan kepentingan kerja berpasukan.

### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- AJK Kecil Koperasi
- Kakitangan Koperasi
- Anggota Koperasi

## IDA 123 – PENGURUSAN DAN PERAKAUNAN UNTUK KUMPULAN WANG ANGGOTA 26 – 27 September 2011 (2 hari)

### OBJEKTIF KURSUS

- Untuk memberi pendedahan serta kefahaman terhadap kepentingan pengurusan Kumpulan Wang Anggota koperasi serta tatacara perakaunan yang sewajarnya digunakan bagi mengaakunkan urus niaga di bawah Kumpulan Wang Anggota.

### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Pengurus
- Jawatankuasa Audit Dalaman

## IDC 327 – PEMANTAPAN TADBIR URUS KOPERASI (CO-OPERATIVE GOVERNANCE) 24 – 25 Oktober 2011 (2 hari)

### OBJEKTIF KURSUS

- Untuk membolehkan peserta mengenal pasti mekanisme tadbir urus serta menilai tahap pelaksanaan tadbir urus di koperasi dan membentuk pendekatan yang sesuai untuk memantapkan tadbir urus koperasi yang baik.

### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- AJK Kecil Koperasi
- Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi

## IDC 331 – MENINGKATKAN KEMAHIRAN EQ DALAM KEPIMPINAN KOPERASI 14 - 16 November 2011 (3 hari)

### OBJEKTIF KURSUS

- Untuk membolehkan peserta memahami dan mengetahui teknik kecerdasan emosi, spiritual dan intelektual dalam diri.

### SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- AJK Kecil Koperasi
- Kakitangan Koperasi



## UTARA

### WUT 430 – ASAS KOMPUTER DAN APLIKASI 20 - 22 September 2011 (3 hari)

#### Objektif Kursus

- Memberi pendedahan berkenaan sistem komputer dan faedah dari penggunaan komputer peribadi.
- Mempelajari teknik-teknik penggunaan pakej aplikasi pemprosesan teks.

#### Sasaran Peserta

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Kecil Koperasi
- Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi
- Kakitangan Koperasi
- Anggota Koperasi

## SELATAN

### WST 460 – PERSEMBAHAN ELEKTRONIK MS POWERPOINT 6 -8 Disember 2011 (3 hari)

#### Objektif Kursus

- Memberi kefahaman dan mempelajari teknik-teknik untuk menghasilkan persembahan interaktif yang berkesan dengan menggunakan perisian MS Powerpoint.

#### Sasaran Peserta

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalam
- Pengurus
- Tenaga Kerja Kanan Koperasi
- Jawatankuasa Kecil Koperasi
- Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi

## MKM WILAYAH

## TIMUR

### WTC 314 – PENGURUSAN MESYUARAT AGUNG KOPERASI 12 - 14 Oktober 2011 (3 hari)

#### Objektif Kursus

- Memberi kefahaman tentang pengurusan prosedur dan peruntukan undang-undang serta pendedahan teknik-teknik berkaitan pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi dengan lebih cekap dan berkesan.

#### Sasaran Peserta

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalam
- Jawatankuasa Kecil Koperasi
- Kakitangan Kanan Koperasi
- Anggota Koperasi

- Semua permohonan mestilah dibuat dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan oleh pihak MKM atau secara online di <http://www.mkm.edu.my>.
- Bagi anggota atau kakitangan koperasi dan badan swasta yang berminat, borang-borang permohonan yang telah lengkap diisi bolehlah dihantar terus ke kampus di mana kursus ini dijalankan.
- Untuk kakitangan jabatan dan agensi-agensi kerajaan, setiap permohonan mestilah melalui jabatan atau agensi masing-masing.

## Untuk Pertanyaan dan Keterangan Lanjut Sila Hubungi:

#### Maktab Kerjasama Malaysia (Ibu Pejabat)

103 Jalan Templer  
46700, Petaling Jaya, Selangor  
✉ [mkm@mkm.edu.my](mailto:mkm@mkm.edu.my)  
☎ 603-79649000 / 603-79570434

#### MKM Cawangan Sarawak

Bangunan Rugayah. Lot 97, Jalan Thian Sheok,  
P.O. Box B241,  
93400 Kuching, Sarawak  
✉ [mkmsarawak@mkm.edu.my](mailto:mkmsarawak@mkm.edu.my)  
☎ 082-230409  
☎ 082-230405

#### MKM Cawangan Sabah

Tingkat 5, Menara MAA,  
Lorong 6 Api-Api 1, Kota Kinabalu  
88000, Sabah.  
✉ [mkmsabah@mkm.edu.my](mailto:mkmsabah@mkm.edu.my)  
☎ 088-240812  
☎ 088-241802

#### MKM Wilayah Timur

No. 13 Tingkat Atas,  
Jalan Kerayong 4, 28200 Bandar Bera  
Pahang Darul Makmur  
✉ [mkmbera@mkm.edu.my](mailto:mkmbera@mkm.edu.my)  
☎ 09-2506529  
☎ 09-2506530

#### MKM Cawangan Utara

No. 1515, Wisma KGMKB,  
Jalan Tunku Ibrahim,  
05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman.  
✉ [mkmwutara@mkm.edu.my](mailto:mkmwutara@mkm.edu.my)  
☎ 04-7337527  
☎ 04-7337532

#### MKM Cawangan Selatan

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama Jalan Dhoby,  
80000, Johor Bahru  
Johor Darul Takzim  
✉ [mkmwselatan@mkm.edu.my](mailto:mkmwselatan@mkm.edu.my)  
☎ 07-2262119, 07-2262120, 07-2262124  
☎ 07-2262125



## Kalender Kursus MKM Kampus Induk Petaling Jaya, Selangor Ogos - Disember 2011

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Tarikh/Tempoh Kursus
OGOS			
01		TIADA	
SEPTEMBER			
02	IDC 805	Pengucapan Awam Berkesan	12-14/09/11 (3 hari)
03	IDT 436	Aplikasi Ms Excel Dalam Pengurusan Data Koperasi	12- 14/09/11 (3 hari)
04	IDB 706	Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan-Mencuci Dan Membersih Bangunan	19 - 22/09/11 (4 hari)
05	IDA 101K	Perakaunan Asas (Kakitangan)	19 - 23/09/11 (5 hari)
06	IDT 433	Bengkel Mereka bentuk Laman Web Koperasi	26 - 29/09/11 (4 hari)
07	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	26 - 27/09/11 (2 hari)
08	IDA 123	Pengurusan Dan Perakaunan Untuk Kumpulan Wang Anggota	26 - 27/09/11 (2 hari)
09	IDB 241	Padanan Pengalaman Perniagaan (Lawatan Sambil Belajar)	26 - 30/09/11 (5 hari)
OKTOBER			
10	IDB 223	Bengkel Pengurusan Rantaian Bekalan Perniagaan Koperasi	03 - 05/10/11 (3 hari)
11	IDC 321	Perundangan Koperasi Dan Aplikasi	03 - 05/10/11 (3 hari)
12	IDT 437	Membangunkan Laman Web Perniagaan Dengan Dreamweaver	03 - 06/10/11 (4 hari)
13	IDC 314	Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi	10- 11/10/11 (2 hari)
14	IDB 601	Penyeliaan Dalam Koperasi (Konsep 5P)	10 - 12/10/11 (3 hari)
15	IDB 242	Pengurusan Strategik	10 - 13/10/11 (4 hari)
16	IDT 431	Aplikasi Ms Acces Dalam Pengurusan Pangkalan Data Koperasi	10 - 14/10/11 (5 hari)
17	IDB 641	Menawan Pekerja Anda	17 - 19/10/11 (3 hari)
18	IDT 419	Asas Membangunkan Blog	17- 19/10/11 (3 hari)
19	IDB 721	Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan-Pengurusan Logistik	17 - 20/10/11 (4 hari)
20	IDA 101A	Perakaunan Asas (ALK Dan JAD)	17 - 21/10/11 (5 hari)
21	KEM 901	Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi	18 - 20/10/11 (3 hari)
22	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	24 - 25/10/11 (2 hari)
23	IDC 327	Pemantapan Tadbir Urus Koperasi	24 - 25/10/11 (2 hari)
24	MA 200	Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi	24 - 25/10/11 (2 hari)
25	IDC 318	Penyediaan Laporan Tahunan Koperasi	31 - 02/11/11 (3 hari)
26	IDB 642	Menguasai Perundingan Dalam Perniagaan	31 - 02/11/11 (3 hari)
27	IDA 126	Pengurusan Hutang	31- 02/11/11 (3 hari)
NOVEMBER			
28	IDC 331	Meningkatkan Kemahiran EQ Dalam Kepimpinan Koperasi	14 - 16/11/11 (3 hari)
29	IDA 121	Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi	14 - 25/11/11 (10 hari)
30	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	21 - 22/11/11 (2 hari)
31	IDA 132	Pencegahan Fraud Dan Kawalan Dalaman	23 - 24/11/11 (2 hari)
32	IDB 243	Transformasi Perniagaan Koperasi	21 - 25/11/11 (5 hari)
33	IDC 319	Peningkatan Diri Kakitangan Koperasi	29 - 30/11/11 (2 hari)
34	IDB 707	Keusahawanan Dalam Sektor Pertanian-Penanaman Cili Secara Komersial	29 - 02/12/11 (4 hari)
DISEMBER			
35	IDB 701	Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan-Perniagaan Kek Dan Bakeri	05 - 09/12/11 (5 hari)
36	DA 141	I Perakaunan Berkomputer (UBS)	05 - 09/12/11 (5 hari)
37	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi 13 -	14/12/2011 (2 hari)
38	IDB 704	Keusahawanan Dalam Bidang Pemborongan dan Peruncitan	13 - 15/12/11 (3 hari)
39	IDC 823	Bengkel Berfikir Di Luar Kotak (Thinking Out Of The Box)	19 - 21/12/11 (3 hari)

## Kalendar Kursus MKM (Wilayah Timur) Ogos - Disember 2011

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Tarikh/Tempoh Kursus
OGOS			
		TIADA	
SEPTEMBER			
	WTT 456	Asas Penggunaan Internet	13/09/2011 - 15/09/2011 (3 hari)
	WTB 262	Padanan Perniagaan (Lawatan Sambil Belajar)	19/09/2011 - 23/09/2011 (5 hari)
OKTOBER			
	WTT 468	Asas Membangunkan Blog	11/10/2011 - 13/10/2011 (3 hari)
NOVEMBER			
	IDC 331	Asas Membangunkan Blog	22/11/2011 - 24/11/2011 (3 hari)
DISEMBER			
	WTKEM 901	Kem Pementapan Kepimpinan Koperasi	13/12/2011 - 15/12/2011 (3 hari)

## Kalendar Kursus MKM (Wilayah Selatan) Ogos - Disember 2011

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Tarikh/Tempoh Kursus
OGOS			
		TIADA	
SEPTEMBER			
	WSK 600	Kursus Khas Koperasi Baru (Kursus Wajib)	20/09/2011 - 21/09/2011 (2 hari)
	WST 452	Lembaran Elektronik Ms Excel	27/09/2011 - 29/09/2011 (3 hari)
OKTOBER			
	WSA 101	Asas Perakaunan Koperasi	03/10/2011 - 07/10/2011 (5 hari)
	WSTET 900	Bicara Eksekutif	11/10/2011 (1/2hari)
	WST 465	Ms word Lanjutan	18/10/2011 - 20/10/2011 (3 hari)
	WSB 262	Padanan Perniagaan (Lawatan)	31/10/2011 - 03/11/2011 (4 hari)
NOVEMBER			
	WSML 100 (KURSUS WAJIB)	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Kursus Wajib)	KURSUS KHAS KOBERA 29/11/2011 - 30/11/2011 (2 hari)
DISEMBER			
	WST 460	Persembahan Elektronik Ms Powerpoint	14/12/2011 (2 hari)
	WSMA 200	Tatacara Pengauditan Dan Perakauna Koperasi (Kursus Wajib)	13/12/2011 - 15/12/2011 (3 hari)

## Kalender Kursus MKM (Wilayah Utara) Ogos - Disember 2011

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Tarikh/Tempoh Kursus
OGOS			
		TIADA	
SEPTEMBER			
	WUB 292	Bengkel Rancangan Perniagaan	13/09/2011 - 15/09/2011 (3 hari)
	WUT 430	Asas Komputer Dan Aplikasi	20/09/2011 - 22/09/2011 (3 hari)
	WUB 202	Pengurusan Rekod Dan Fail	20/09/2011 - 22/09/2011 (3 hari)
OKTOBER			
	WUA 119	Asas Pengurusan Tunai	04/10/2011 -06/10/2011 (3 hari)
	WUBT 900	Bicara Tokoh	18/10/2011 (1/2 hari)
NOVEMBER			
	WUB 262	Lawatan Sambil Belajar	15/11/2011 - 17/11/2011 (3 hari)
DISEMBER			
	WUA 112	Memahami Dan Menganalisis Penyata Kewangan	13/12/2011 - 15/12/2011 (3 hari)



**“Menerajui Kecemerlangan  
Dalam Latihan dan Pendidikan  
Koperasi”**

# IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN (Bidang Tumpuan) PEGURUSAN KOPERASI (MKM-UUM)

PENGAMBILAN  
**MAC**  
SETIAP TAHUN

**CARA MEMOHON**  
Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

## KELAYAKAN MASUK

- STPM, STAM, Matrikulasi dan Diploma
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET)

## KUMPULAN SASARAN

- Individu lepasan STPM, STAM, Matrikulasi dan Diploma
- Tenaga Kerja Pengurusan Koperasi
- Pegawai-pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan/Swasta

## JANGKA MASA PENGAJIAN

- Sepenuh masa: 3 tahun - 4 tahun @ 8 semester

## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- 15 Mac setiap tahun

## KEMUDAHAN PMBIAYAAN

- Pembiayaan - Skim Pinjaman Pendidikan-i MKM
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Lain-lain pembiayaan - Yayasan Negeri, Bank Rakyat dan lain-lain.

## YURAN PENGAJIAN

- Pemimpin, tenaga kerja pegawai kerajaan yang menyelia koperasi, anggota dan anak anggota pergerakan koperasi. - RM 13,505.00
- Individu biasa - RM 16,705.00
- Pelajar luar negara - RM 39,810.00

## PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia

**Diploma Pengurusan Koperasi**

**Maktab Kerjasama Malaysia**

Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi

No. 21, Jalan Selangor

46050 Petaling Jaya, Selangor

Tel: 03-7952 4500 samb. 514/513/512

Faks: 03-7955 0863 E-mel: [mkm@mkm.edu.my](mailto:mkm@mkm.edu.my)

